

Jilid II  
Bil. 49



Hari Khamis  
8hb November, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 7025]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—**

**Jawatankuasa:**

**Jadual—**

**Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7057]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1985—**

**Jawatankuasa:**

**Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 7057]**

## MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM***Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 8hb November, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz  
bin Haji Nik Mat.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Nik  
Abdul Aziz bin Haji Nik Mat tidak  
hadir).*

TENTERA SOVIET DI  
VIETNAM—ANCAMAN  
DALAM ASEAN

**2. Tuan Mohammad Idris Mohammad  
Basri** minta Menteri Luar Negeri  
menyatakan apakah langkah yang  
diambil oleh negara-negara ASEAN  
memandangkan Amerika Syarikat  
telah berulang-ulang kali memberi  
amaran bahawa Soviet Union adalah  
menjadi ancaman di dalam kawasan  
ASEAN dan betapa hebatnya  
pembangunan pengkalan tentera  
Soviet di Cam Ranh, Vietnam.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato'  
Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan  
Yang di-Pertua, sepertimana yang  
telah dimaklumkan dalam Dewan  
yang mulia ini pada persidangan bulan  
Ogos, lalu kita menganggapkan  
peningkatan kuasa military oleh mana-  
mana kuasa besar dan di mana-mana

sahaja sebagai mengancam keamanan  
dan kestabilan dunia amnya. Dari itu  
aktiviti-aktiviti ketenteraan pihak  
Soviet Union di Teluk Cam Ranh dan  
juga di Danang, Vietnam merupakan  
satu punca kebimbangan kepada  
negara-negara ASEAN.

Kita sedar bahawa peningkatan  
aktiviti ketenteraan oleh Soviet Union  
ini adalah manifestasi atau lantaran  
persaingan tidak sihat oleh kuasa-  
kuasa besar di Asia Tenggara.

Di atas kesedaran inilah usaha-  
usaha kita tertumpu ke arah  
pengujudan Kawasan Aman, Bebas  
dan Berkecuali (ZOPFAN) di Asia  
Tenggara yang bertujuan untuk  
menghindarkan persaingan tidak sihat  
antara kuasa-kuasa besar. ASEAN  
juga sedang mengkaji kemungkinan  
dijadikan Asia Tenggara sebagai satu  
Kawasan Bebas Senjata Nuklear  
(Nuclear Weapon Free Zone) iaitu  
satu langkah yang secukupnya dan saling  
melengkapi kawasan ZOPFAN.

Dalam usaha kita untuk  
mempercepatkan penyampaian  
ZOPFAN, Asia Tenggara yang bebas  
daripada senjata nuklear boleh  
mengurangkan persaingan kuasa-  
kuasa besar khususnya persaingan  
yang membabitkan ancaman nuklear.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-  
Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri  
yang berkenaan ada membayangkan  
hasrat ASEAN supaya mengujudkan  
sebuah kawasan yang bebas dari  
senjata nuklear di rantau ini. Suka  
saya mendapat tahu daripada Yang  
Berhormat Menteri yang berkenaan

tentang apakah sambutan yang diberikan kepada cadangan ini oleh negara-negara ASEAN dan juga sejauh mana negara-negara ASEAN dapat mempengaruhi kuasa-kuasa besar tentang perkara ini dan apakah kemungkinan bahawa hasrat ASEAN menjadikan kawasan ini bebas dari senjata nuklear akan berjaya?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini keputusan muktamat atau keputusan sebenar belum lagi dicapai oleh ASEAN bahkan Malaysia dalam masa dua bulan yang lepas ini sahaja yang menyuara iaitu secukup dengan dasar ZOPFAN kita mengadakan kawasan yang bebas dari senjata nuklear ini demi untuk menjaga kepentingan negara-negara di Asia Tenggara ini termasuk negara-negara ASEAN. Buat masa sekarang ini kita masih mengadakan kajian secara keseluruhannya di antara negara-negara ASEAN iaitu pegawai-pegawai tinggi (SOM) akan mengadakan perbincangan dan kita berharap tidak berapa lama lagi satu syor akan dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi ASEAN ini untuk dibincangkan bersama-sama dengan Menteri-menteri Luar yang lain semoga satu keputusan yang muktamat dapat dicapai.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah negara-negara dunia pertama seperti Amerika Syarikat dan juga Russia menghormati Dasar Aman, Bebas dan Berkecuali bagi rantau ASEAN ini kerana kita dapati bahawa daripada setahun ke setahun perairan Selat Melaka dan juga Lautan China Selatan semakin banyak dicerobohi oleh kedua-dua kuasa ini?

Yang keduanya, adakah terdapat apa-apa tanda yang memperlihatkan bahawa ada di antara negara-negara anggota ASEAN ini tidak begitu

bersetuju ataupun mencabul tentang Dasar Aman, Bebas dan Berkecuali rantau ASEAN?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sambutan daripada kuasa-kuasa besar buat masa sekarang ini dengan rasminya tidak dibuat lagi oleh sebab mereka masih lagi tidak begitu bersedia oleh sebab jikalau satu pihak tidak mematuhi maka satu pihak lagi tidak akan mematuhi juga. Jadi, oleh sebab perkara ini kuasa-kuasa besar tidak begitu yakin akan muncul, akan dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh, jadi kuasa-kuasa besar menunggu di antara satu sama lain yang mana dahulu akan melaksanakan Konsep Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) ini dan di antara negara-negara ASEAN boleh dikatakan sepertimana kita telah pun sedia maklum iaitu mengikut Deklarasi Kuala Lumpur 1971 maka kelima-lima negara ASEAN telah pun berikrar akan bersedia untuk mencapainya matlamat dasar ZOPFAN ini. Maka boleh dikatakan di antara negara-negara ASEAN semua bersetuju untuk mencapainya matlamat dasar ZOPFAN ini.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji**

**Abdul Hamid:** Dari segi ancaman Soviet Union di kawasan Asia Tenggara ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri adakah ancaman yang kita rasa takut ini dibuat oleh pihak Amerika kerana memandangkan Amerika ini menjaga dari segi kepentingan ekonomi mereka dan juga Jepun.

Kedua, dari segi ancaman ini selain daripada Soviet Union kita sedar bahawa ada satu negara komunis lagi iaitu China, di antara kedua-dua bapa ataupun gergasi komunis ini yang mana yang lebih mengancam kepada negara-negara kita dan Asia Tenggara.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya sebabnya ada ancaman-ancaman daripada Soviet Union di Canran Bay ataupun di Vietnam, ini bukanlah semata-mata dengan sebab adanya satu pihak lagi yang berada di kawasan ini. Mungkin juga mereka menjagakan kepentingan yang lain sepertimana kita terdapat masalah di Kampuchea dan Vietnam supaya mereka dapat memberikan satu sumbangan keyakinan kepada pihak mereka itu iaitu Soviet Union ada di sini.

Kedua, bersabit dengan pertanyaan di antara China dengan Soviet Union yang manakah yang lebih merbahaya, saya rasa tidak ada lebih tidak ada kurang, kedua-dua itu kita kena jaga dan berwaspadalah, sama juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).*

#### **KUASA PEMBATAL AMERIKA DI PBB— SIKAP MALAYSIA**

**4. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejujuran Kerajaan Amerika Syarikat dalam usaha menyelesaikan krisis Lubnan dan bagaimanakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap langkah Amerika Syarikat menggunakan kuasa pembatal di Majlis Keselamatan PBB mengenai usaha negara-negara Timur Tengah menyekat perbuatan tidak berperikemanusiaan Israel terhadap rakyat Lubnan Selatan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas diketahui umum bahawa Kerajaan Amerika Syarikat mempunyai kepentingan yang utama di Asia Barat dan kepentingannya ini tertumpu kepada matlamat dasar dan

pengaruhnya serta juga kepentingan Israel. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa masalah pokok kepada pergolakan di Asia Barat ialah soal Palestin iaitu soal hak asasi rakyat Palestin. Perkara ini telah dijelaskan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini dan ianya menjadi tanggungjawab semua masyarakat antarabangsa termasuk kuasa-kuasa besar untuk menyelesaikannya. Kita percaya dengan penyelesaian masalah utama ini krisis-krisis lain di Asia Barat termasuk Krisis Lubnan yang merupakan lanjutan soal Palestin ini dengan sendirinya dapat diselesaikan.

Kita sendiri telah berusaha ke arah penyelesaian ini melalui suatu Rancangan Tindakan Kuala Lumpur yang telah kita gubalkan dan sekarang dikenali sebagai Rancangan Tindakan Geneva yang telah pun dipertanggungjawabkan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sikap Kerajaan Amerika Syarikat dalam menggunakan kuasa pembatalnya terhadap draf resolusi mengenai Lubnan jelas menunjukkan gambaran yang membuktikan dasar Amerika Syarikat di Asia Barat yang sebenarnya iaitu untuk melindungi kepentingan sendiri dan kepentingan Israel tanpa menghiraukan pendirian masyarakat antarabangsa yang lain.

Pendirian Amerika Syarikat ini amatlah dikesali dan ianya bukan sahaja menghindar bagi tercapainya satu penyelesaian terhadap pergolakan di Asia Barat seluruhnya malah ianya juga menyulitkan langkah-langkah yang akan diambil ke arah satu penyelesaian politik kerana dengan sikap Amerika ini ianya menggalakkan Israel bertindak serta meneruskan penindasan dengan sewenang-wenang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian kita ini telah pun dikemukakan kepada pihak Amerika Syarikat sama ada secara langsung ataupun melalui pendirian kita mengenai masalah ini di forum-forum antarabangsa.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu mengapakah negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini terus tunduk dengan kuasa pembatal yang dimiliki oleh negara-negara yang dikatakan kuasa-kuasa besar dan mereka menggunakan kuasa ini dengan sewenang-wenangnya, padahal hak kuasa pembatal ini telah diwujudkan semasa Pertubuhan ini diwujudkan iaitu berikutan dengan berlakunya Peperangan Dunia.

Ketika itu negara-negara yang menjadi anggota kebanyakannya masih dijajah dan kalau tidak pun dijajah adalah dalam keadaan yang lemah tetapi pada hari ini kebanyakan negara-negara tersebut telah merdeka, telah kuat dan terus membangun.

Jadi, adakah cadangan daripada negara-negara anggota yang lain untuk mendesak kuasa-kuasa besar menarik balik ataupun membatalkan kuasa pembatal tersebut. Kalau sekiranya ini tidak boleh dilakukan, saya inginlah tahu mengapakah kuasa-kuasa besar ini terus ingin memiliki kuasa pembatal.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, inilah satu daripada prosedur ataupun peraturan yang dibuat semasa Piagam Bangsa-bangsa Bersatu itu diadakan iaitu kuasa veto adalah dibahagi kepada 5 ahli kuasa besar daripada 5 ahli-ahlinya iaitu 5 kuasa besar ini ialah kuasa-kuasa besar yang kita tahu

dan 10 negara lain yang menjadi ahli Majlis Keselamatan ini tidak ada kuasa veto.

Jadi, semasa beberapa tahun yang lepas ini ada desakan-desakan daripada negara-negara yang lain dan juga melalui Bangsa-bangsa Bersatu supaya peraturan ini ditukar. Jadi, buat masa sekarang ini masih di dalam desakan sahaja lagi, belum dapat mencapainya untuk supaya kuasa veto ini tidak diberi kepada kuasa besar sepertimana terdapat sekarang ini.

Tetapi walau bagaimanapun, kedudukan ini tidak boleh kita lagi daripada apa reality yang sebenarnya ada di dalam keadaan dunia sekarang ini oleh sebab mereka adalah berkuasa besar dengan adanya alatan-alatan tentera sebagaimana Yang Berhormat sedia berkata tadi iaitu keadaan ini masih lagi kepada mereka dan kita tidak boleh buat apa-apa lagi selain daripada kita menunggu untuk dipinda peraturan-peraturan ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia telah menerangkan bahawa Malaysia telah secara langsung dan tidak langsung membuat bantahan kepada Kerajaan Amerika mengenai tindakannya menggunakan kuasa pembatal terhadap langkah-langkah bagi mengelakkan Israel bermaharajalela di Lubnan Selatan. Saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut apakah langkah secara langsung dan tidak langsung yang Kerajaan Malaysia ambil terhadap Kerajaan Amerika yang disebutkan itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Sepertimana yang saya telah pun sebutkan di dalam jawapan saya awal-awal tadi, kita telah pun menerangkan tidak puas hatinya pendirian Amerika Syarikat ini terhadap dasar di Lubnan, oleh sebab

dengan dasar-dasar inilah buat masa sekarang ini penyelesaian di Lubnan secara politik tidak dapat dicapai, itu cara langsung kita telah membuatkan terus terang kepada pihak Amerika Syarikat.

Cara tidak langsung, kita telah pun menerangkan penjelasan (statement) kita baik pun di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sama juga pertubuhan yang lain seperti Non-Aligned, Komanwel, OIC dan sebagainya. Kita telah pun menerangkan iaitu ini tidak sesuai dengan kehendak kebanyakan negara-negara yang ada di dalam dunia ini baik pun dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sama juga di forum-forum antarabangsa yang lain. Itulah cara yang kita buat pada masa sekarang ini. Walau bagaimanapun, kita lihatlah bukan kuasa besar yang degil, yang tidak mendengar suara-suara majority, tetapi terdapat juga di setengah-setengah negara yang tidak kuasa besar. Apa kita boleh buat kalau mereka tidak mematuhi keputusan ataupun resolusi-resolusi antarabangsa seperti yang terdapat di Kampuchea yang mana resolusi-resolusi memintakan Vietnam mengundur, tetapi masih lagi Vietnam degil tidak mengundur dari Kampuchea.

## PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN DESA

5. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menjayakan arahan Y.A.B. Perdana Menteri melalui suratnya pada 10hb Julai, 1984 iaitu untuk mewujudkan industri-industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surat pekeliling Perdana Menteri bertarikh 10-7-1984 adalah surat pekeliling yang diedarkan kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan dan Pengurus Besar, Ketua Pengarah Badan Berkanun, bertujuan untuk memperkenalkan satu hala cara baru dalam usaha pembangunan kampung dan desa. Hala cara ini melibatkan aspek iaitu kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang, pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian dan pelonggokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membibitkan pertumbuhan baru.

Keseluruhan usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meninggikan pendapatan petani dan pekerja di desa dan memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan serta lain-lain prasarana seperti jalanraya, sekolah, klinik, pasar dan sebagainya. Matlamat usaha di atas adalah untuk mengurangkan kemiskinan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Kementerian saya telah diamanahkan untuk menyelaraskan semua Jabatan, Kementerian dan Kerajaan Negeri yang terlibat dalam pelaksanaan usaha ini. Semenjak arahan itu dikeluarkan Kementerian saya telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Kerajaan Negeri bagi mengenalpasti tempat-tempat, menyusun rancangan dan strategi di mana projek-projek boleh dilaksanakan.

Selain dari Sarawak, Perak dan Terengganu, semua negeri-negeri telah dapat mengenalpasti 21 buah

kampung. Negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kampung</i>	<i>Jumlah</i>
Perlis	Titi Tinggi, Paya Kelubi, Simpang Geti	3
Kedah	Kg. Binjal, Kubang Pasu, Kg. Lalang, Baling	2
Pulau Pinang	Lubok Banting, Kubang Menerong	2
Selangor	Kg. Parit Mabong, Kuala Selangor dan Kg. Ulu Gesir, Ulu Selangor	2
Negeri Sembilan	Kg. Padang Lebar, Kuala Pilah, Kg. Jijan, Seremban	2
Melaka	Kg. Mendapat, Kg. Lancang, Bukit Kapar, Jasin	1
Johor	Kg. Semaloi, Endau dan Kg. Bukit Seraya, Pontian	2
Pahang	Kg. Tembeling Tengah, Tumpat dan Kg. Salang, Pekan	2
Kelantan	Kg. Mulong Lanting, Kota Baharu dan Kg. Tok Derpa, Pasir Mas	2
Sabah	Kg. Kangkular, Tenom, Kudat dan Kg. Beriawah, Ulu Keningau	3

Berikut dari itu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri dan agensi-agensinya Persekutuan di peringkat Negeri sekarang sedang memberi penerangan-penerangan dan mengadakan dialog dengan penduduk kampung yang terlibat dengan projek tersebut.

Adalah diharapkan dengan adanya penerangan-penerangan dan dialog ini membolehkan kita mendapat pandangan dan kerjasama dari mereka supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan licin. Maklumat-maklumat yang diperolehi dari perbincangan-perbincangan dan dialog ini nanti akan membolehkan juga Kementerian saya merancang apakah projek industri kampung yang sesuai diwujudkan di kampung-kampung yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya setakat ini masih menunggu laporan lanjut dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga pihak Jabatan Persekutuan di peringkat negeri sebelum tindakan lanjut dapat diambil.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kementerian bagi memilih kampung-kampung yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang atau Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bercadang untuk mengadakan "profile" bagi semua kampung-kampung di negara ini bagi memudahkan pada masa-masa yang akan datang?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, antara kriteria-kriteria yang kita gunakan ialah memilih kampung-kampung di pedalaman yang mana ada potensi untuk dimajukan. Dan bagi mengadakan senarai sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini sememang dalam tindakan pihak Kementerian.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bagaimanakah penglibatan jentera-jentera dan institusi-institusi Kerajaan yang sudah sedia ada di

dalam kampung sekarang untuk menjayakan rancangan ini seperti institusi Ketua Kampung, Penghulu dan juga JKK dan lain-lain?

Yang keduanya, adakah difikirkan tentang penglibatan dan sokongan daripada institusi-institusi kewangan untuk menjayakan program ini oleh kerana mungkin perbelanjaan kewangan yang besar daripada Kerajaan akan merupakan satu masalah untuk menjayakan rancangan ini?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sememang menjadi hasrat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk melibatkan semua agensi-agensinya yang ada di peringkat kampung supaya terlibat dengan rancangan ini, termasuklah JKK, Badan-badan Sosial dan sebagainya yang terdapat di kampung-kampung dan kita juga akan meminta kerjasama daripada Wakil-wakil Rakyat untuk menjayakan projek-projek ini di mana projek-projek ini melibatkan kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, saya minta ulang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila ulang, Yang Berhormat.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Sama ada institusi-institusi kewangan seperti bank dan sebagainya akan diminta untuk menyertai dan menyokong rancangan ini?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi institusi-institusi kewangan, sekiranya mereka berpendapat bahawa mereka boleh menyumbang ataupun memberi pendapat-pendapat mereka dalam mana-mana juga projek yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan, maka sumbangan dan juga sokongan mereka itu sangat-sangatlah dialukan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa terdapat negeri-negeri yang belum lagi dapat mengenalpasti mana-mana kawasan untuk dilaksanakan seperti Perak, Sarawak dan sebagainya. Apakah faktor-faktor penghalang menyebabkan sehingga setakat ini belum lagi negeri-negeri berkenaan mengenalpasti kawasan-kawasan itu?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi, ada 3 buah negeri lagi yang belum menghantarkan senarai kampung-kampung untuk tindakan pihak Kementerian iaitu Sarawak, Perak dan Terengganu. Pada pendapat saya pemilihan kampung-kampung ini sedang dalam proses dan juga tindakan negeri-negeri yang berkenaan.

#### PEMANDU KENDERAAN CUAI—MEMBATALKAN LESEN

6. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerinya akan merancang mengambil tindakan untuk membatalkan selama-lamanya lesen pemandu kenderaan yang didapati memandu dengan cuai dan tidak bertimbang rasa, memandangkan kehilangan nyawa dalam nahas jalanraya semakin meningkat.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa hanya pihak mahkamah sahaja yang mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman berat, termasuk membatalkan sesuatu lesen memandu seumur hidup setelah disabitkan kesalahan. Di samping itu, Ketua

Pengarah Pengangkutan pula adalah dibenarkan untuk menggantung sesuatu lesen memandu bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan sahaja. Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa peraturan yang sedia ada adalah memadai setakat ini.

### PERPADUAN RAKYAT— DAKWAAN CERDIK PANDAI

**7. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa perpaduan rakyat dalam negara ini tidak boleh wujud dengan erti kata yang sebenarnya seperti yang didakwa oleh ahli-ahli cerdik pandai dalam negara ini oleh kerana satu daripada sebab-sebab utamanya ialah oleh kerana adanya Dasar Ekonomi Baru; jika benar, nyatakan tindakan yang boleh diambil untuk membanteras dakwaan ini dan jika tidak, nyatakan sama ada apa-apa tindakan boleh diambil ke atas cerdik pandai yang mengeluarkan pendapat seperti itu.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa perpaduan rakyat tidak boleh wujud dengan erti kata sebenarnya oleh kerana adanya Dasar Ekonomi Baru adalah sama sekali tidak benar. Dakwaan sedemikian hanya mencerminkan keketekan pemikiran dan kurang fahaman mereka berkenaan kehendak dan aspirasi rakyat. Sebaliknya, sebagaimana yang termaklum, Dasar Ekonomi Baru telah digubal dan dilaksanakan bagi tujuan mencapai perpaduan negara dan ini dilaksanakan melalui strategi serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat agar pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi dapat dihapuskan.

Saya tidak nampak kenapa satu dasar yang tujuan menghapuskan kemiskinan dan mengagih kekayaan dan peluang-peluang secara yang lebih adil dan saksama dikritik dan ditolak oleh mana-mana pihak, kecuali mereka yang mempunyai niat yang tidak ikhlas dan sengaja hendak memperkecil-kecilkan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dan rakyat selama ini.

Pada pertimbangan Kerajaan, perpaduan negara menjadi bertambah kukuh hasil dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Kerajaan tidak akan berganjak dari hasratnya untuk memastikan bahawa matlamat murni yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru tercapai. Dalam sistem demokrasi yang kita amalkan, semua pihak bebas memberikan pendapat mereka dan Kerajaan mengalu-alukan pandangan-pandangan yang “constructive” atau membina yang diberi oleh orang awam, termasuk cerdik pandai terhadap dasar dan programnya. Bagaimanapun, mereka tidak harus cuba mengeksploitasikan isu-isu perkauman semata-mata kerana kepentingan tertentu dan sensasionalisma yang sengaja dicari tanpa menimbangkan implikasinya kepada kestabilan negara. Kerajaan akan sentiasa mengawasi dengan teliti aliran sedemikian dan tidak teragak-agak untuk bertindak membanteras keadaan demikian yang mungkin mengancam keselamatan negara.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, oleh kerana tidak boleh dinafikan Dasar Ekonomi Baru bukan mencerminkan satu konsep “equality before the law”, dan oleh kerana itu adakah Menteri berkenaan bersetuju Dasar Ekonomi Baru tidak adil bagi pihak masyarakat bukan bumiputera dalam negara ini dan oleh kerana itu, adakah Kerajaan bercadang untuk tamatkan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah galurkan di dalam jawapan saya tadi, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang bertujuan utama mencapai kesaksamaan dan keadilan di dalam masyarakat, terutama sekali dalam mengagihkan sumber ekonomi dan kemakmuran negara kita.

Ingin saya ingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa dasar ini telah dipersetujui oleh semua pemimpin di negara kita, telah pun diluluskan di dalam Dewan dan Parlimen yang mulia ini sejak tahun 1971 dan kita tidak harus kembali kepada asas dasar yang telah kita persetujui 13 tahun dahulu. Semua pemimpin dan golongan masyarakat yang ada di negara ini yang telah mengundi dan menghantar Wakil-wakil Rakyat ke dalam Dewan ini, ke Parlimen ini, telah bersetuju kepada dasar ini. Maka oleh yang demikian, asas dasar ini tidak seharusnya diungkit sama sekali.

Mengenai dengan soalan yang kedua, Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, banyak perosak-perosak perpaduan rakyat dipecahbelahkan oleh parti Pembangkang satu daripada sebabnya terutama Parti DAP. Apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah ini supaya perpaduan rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang tegas mengenai masalah-masalah itu, tetapi sekiranya masalah-masalah itu bersabit dengan pelaksanaan dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru, seperti yang saya katakan di penghujung jawapan saya tadi, Kerajaan akan sentiasa mengambil

tindakan sewajarnya dan tidak akan berganjak daripada matlamat menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, Dasar Ekonomi Baru dalam penonjolannya itu bagi setengah kalangan rakyat dalam Malaysia hari ini menganggap hanya memberi pertolongan kepada satu golongan rakyat sahaja. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah dalam pelancaran Dasar Ekonomi Baru ini telah menutup peluang-peluang ekonomi bagi rakyat yang bukan bumiputera.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, iaitu hampir 15 tahun, semua golongan, semua kaum, sama ada bumiputera atau bukan bumiputera, telah mendapat faedah serba sedikit, sebanyak sedikit. Misalnya, kalau sesuatu perusahaan itu diusahakan oleh golongan bumiputera, kebiasaannya golongan-golongan yang bukan bumiputera pun dapat juga bahagian dari segi memberi, misalnya kalau kontrak pembinaan sesuatu projek dalam menjual alat-alat kelengkapan besi, simen dan sebagainya, kebiasaannya daripada pihak-pihak bukan bumiputera dan daripada itu semuanya mendapat faedah daripada sesuatu projek. Lazimnya ini berlaku.

Jadi, pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua golongan serba sedikit, sebanyak sedikit mendapat faedah dan tidak ada kebenaran yang mengatakan ada yang tertutup daripada peluang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah benar cerdik pandai yang

mengkritik perpaduan tidak akan wujud dengan adanya Dasar Ekonomi Baru itu adalah cerdik pandai yang tidak faham ataupun tidak mahu memahami Dasar Ekonomi Baru dan mementingkan kepentingan perasaannya sendiri daripada kepentingan otaknya.

Yang kedua, apakah dengan tidak adanya Dasar Ekonomi Baru akan wujudnya golongan yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin dan yang bodoh bertambah bodoh dan akan wujudnya golongan perompak dan golongan yang kaya.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Mengenai yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam masyarakat kita dan kalangan cerdik pandai kebanyakan yang mempunyai pemikiran yang membina tetapi memanglah ada sahaja seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi yang sengaja tidak mahu mengetahui dan ini telah pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau semalam seperti yang telah disiarkan dalam akhbar dan dalam radio dan televisyen yang berdegil tidak mahu menerima apa yang sebenarnya membina dan berguna kepada negara kita.

Perkara yang kedua itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana itu andaian, saya fikir saya tak payah jawab tetapi saya percaya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat—betul.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dasar Ekonomi Baru akan tamat menjelang tahun 1990 dan hingga kini baru barangkali 50%, tak sampai pun 50% daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru itu yang telah dicapai. Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab-sebab Dasar

Ekonomi Baru yang hampir kepada masa tamatnya itu belum sampai kepada 50% lagi kejayaannya. Adakah salah satu daripadanya disebabkan oleh adanya golongan orang-orang cerdik pandai yang tidak yakin terhadap Dasar Ekonomi Baru dan merasakan Dasar Ekonomi Baru tidak adil terhadap mereka.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab Dasar Ekonomi Baru ini lambat tercapai matlamatnya kalau menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini, pencapaian itu tercatat di situ kurang daripada 30% itu kalau tidak salah saya, daripada pemikiran saya di sini lebih daripada separuh. Sebab-sebabnya memang banyak dan saya tidak dapat rangkaikan di sini kerana struktur ekonomi kita yang mana menjadi pokok kepada penggubalan dasar ini dari masa dahulu lagi dan yang menjadi sebabnya kita mempunyai serampang dua mata yang saya katakan tadi membasmikan kemiskinan dan juga mengurangkan dan menghapuskan identifikasi kaum dengan struktur pekerjaan dan sebagainya. Jadi sebab-sebabnya untuk mengimbangkan keadaan yang tidak seimbang begitu itu dan mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan di dalam ekonomi dan sektor koporat negara kita untuk bumiputera sehingga menjelang tahun 1990 memang mengambil masa dan tenaga, pemikiran, usaha dan keazaman yang penuh daripada kita semua, daripada rakyat, bukan sahaja daripada Kerajaan, tetapi daripada rakyat di negara ini.

Yang kedua mengenai dengan cerdik pandai yang merasa tidak mendapat agihan daripada dasar ini, saya percaya seperti yang saya katakan tadi kebanyakan cerdik pandai di negara ini dan diharap juga yang bukan cerdik pandai pun yakin yang kita semua akan mendapat hasil dan

kebaikan dan kemajuan daripada pelaksanaan dengan jayanya Dasar Ekonomi Baru ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan, walaupun tujuan Dasar Ekonomi Baru telah disetujui oleh rakyat seluruh negara kita tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan menafikan bahawa penyelewengan-penyelewengan pentadbiran dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru timbul dari masa ke semasa sehingga dasar itu dianggapkan sebagai suatu dasar untuk "Robbing Peter to help Paul", dengan izin.

Yang kedua, apa jawapan akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri kepada dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak selalu membantu bumiputera yang miskin tetapi membantu Barisan Putera, UMNO Putera, MCA Putera, MIC Putera dan lain-lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bahagian kedua soalan itu Yang Berhormat mengandungi banyak sangkaan, fikiran, tohmah dan keji, jadi saya fikir Yang Berhormat boleh mengecualikan daripada menjawab bahagian kedua daripada soalan itu.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bahagian yang pertama itu sebenarnya adalah dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini Kerajaan sama sekali tidak bersetuju yang penyelewengan yang berat sebelah akan berlaku dan sekiranya terdapat perkara seperti itu dalam pelaksanaannya, Kerajaan sentiasa mengawal dan mengambil tindakan.

## PASARAN KRAFTANGAN TEMPATAN

**8. Tuan Abdillah bin Haji Abd. Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan hasil Kraftangan tempatan khususnya dari Sabah mendapat pasaran baik di dalam dan di luar negeri.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya bagi memastikan hasil kraftangan tempatan mendapat pasaran pertama sekali ialah dengan mengadakan gerai jualan bagi tiap-tiap negeri termasuk Sabah di Perkampungan Karyaneka, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Gerai-gerai negeri di Perkampungan Karyaneka di Jalan Raja Chulan telah dapat mengatasi masalah tiada tempat pemasaran bagi hasil-hasil industri kampung dan karyaneka yang selalu diperkatakan sebelum itu.

Semenjak memulakan perniagaan, tiap-tiap negeri di Malaysia ini berpeluang untuk mempamer dan menjual barang-barang industri kampung atau karyaneka dari negeri masing-masing baik kepada orang tempatan atau luar negeri yang melawat Perkampungan Karyaneka itu.

Jawatankuasa di tiap-tiap negeri yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Exco bagi Negeri-negeri Semenanjung dan Menteri bagi negeri Sabah dan Sarawak diberi peluang dan galakan bersaing bagi menentukan kejayaan dan prestasi gerai negeri masing-masing.

Usaha pemasaran di peringkat dalam negeri bolehlah dikatakan sudah berjaya malahan gerai-gerai negeri di Perkampungan Karyaneka

pernah mengalami kekurangan barang akibat jualan yang laris dan bekalan barang yang tidak begitu mencukupi. Masalah kekurangan barang adalah masalah kerana kejayaan—problem of success, dengan izin. Bagaimanapun melalui langkah selanjutnya masalah ini banyak yang telah diatasi.

Bahagian Industri Kampung, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang melaksanakan projek-projek pusat pengeluaran barang di beberapa tempat untuk menambah dan mempercepatkan pengeluaran. Mesin-mesin yang mudah dan murah ditempatkan di pusat-pusat ini.

Selain dari itu, Jawatankuasa Karyaneka dan Industri Kampung peringkat negeri, Jabatan dan agensi di bawah Kementerian serta kerjasama pihak-pihak lain telah mempergiatkan usaha pengumpulan barang dan menambah pengeluaran barang-barang baru. Soal reka bentuk, kawalan mutu dan penetapan harga diberi perhatian yang sewajarnya supaya lebih realistik mengikut kehendak-kehendak pasaran.

Kementerian saya juga sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi mendirikan kilang-kilang pengeluaran barang-barang industri kampung melalui projek AVID (Projek Pencepatan Pembangunan Industri Kampung). Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan pengusaha-pengusaha dari Taiwan. Apabila projek-projek yang sedang dilaksanakan di atas siap sepenuhnya adalah dijangkakan barang-barang industri kampung dan karyaneka dari seluruh negara kita bukan sahaja dapat memenuhi permintaan untuk pasaran tempatan tetapi juga cukup untuk diperkenalkan di pasaran peringkat antarabangsa.

## ETIKA KERJA ISLAM

**9. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri telah menyiapkan rumusan tentang etika pekerjaan Islam, jika ya, bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya.

*12-11-1984*

**12. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut mengenai Etika Kerja Islam bagi semua kakitangan Kerajaan dan sama ada beliau sedar penguasaan Etika Kerja Islam akan "alienate" kesensitifan golongan-golongan agama yang lain yang terdapat dalam perkhidmatan awam serta juga rakyat pada keseluruhannya yang akan menyebabkan polarisasi kaum di Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 12-11-1984 bersama-sama pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada hari ini.

Satu garis panduan yang diberi nama Etika Kerja Dalam Islam yang bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan awam sedang disiapkan dan akan diedarkan apabila siap kelak. Etika Kerja Dalam Islam bertujuan untuk memupuk dan membentuk sifat-sifat yang ikhlas, amanah, dedikasi, cekap, bersemangat gotong royong dan bersepadu fikiran dalam memajukan diri, masyarakat dan negara. Ringkasnya Etika Kerja ini bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam jentera pentadbiran. Adalah disedari bahawa penyertaan tentang sebahagian daripada nilai Etika Kerja itu sebenarnya adalah satu kewajipan

dalam Islam. Kecenderongan ke arah rasa yang sensitif itu boleh berlaku sekiranya langkah-langkah memperkenalkan etika itu tidak dibuat kerana kaum-kaum yang bukan Islam di negara ini mendapat gambaran yang salah tentang Islam.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:**

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita didedahkan dan diberi pula iaitu etika pekerjaan Islam dan Kerajaan juga telah pun melaksanakan etika perkhidmatan awam. Jadi adakah pihak Kerajaan akan menyatukan antara etika perkhidmatan awam dan etika pekerjaan Islam ini supaya dapat diselaraskan dari segi matlamat dan konsep perkhidmatan awam itu sendiri. Dan yang kedua, sejak etika pekerjaan Islam ini digubal, adakah sebarang halangan dari pihak-pihak tertentu bagi melaksanakan panduan etika pekerjaan Islam ini.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji**

**Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat teras perkhidmatan cemerlang yang telah disediakan oleh pihak pentadbiran negara ini yang telah dilancarkan pada tahun 1980 dahulu. Dan pada masa ini etika pekerjaan Islam telah dirancangan yang kedua-duanya nanti akan diuruskan secara pentadbiran oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam sama ada hendak disatukan atau tidak. Saya fikir pihak pentadbiran akan menguruskan dengan wajar.

Mengenai dengan kemungkinan ada halangan sejak daripada etika pekerjaan Islam telah diatur, pada masa ini saya dapati sambutan yang baik daripada segenap pihak masyarakat sama ada Islam ataupun yang bukan Islam.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul**

**Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar hendak bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri sama ada pengenalan pemakaian etika pekerjaan Islam ini akan melibatkan sebarang latihan ataupun orientasi kepada seluruh kalangan kakitangan awam memandangkan tidak semua kakitangan awam itu adalah beragama Islam dan juga adalah akan melibatkan penerangan-penerangan, ceramah-ceramah dan kursus-kursus.

Dan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sama ada ketika pengkajian dan pembentukan etika pekerjaan Islam ini sudah ditinjau dan diteliti daripada kaca-mata agama dan nilai-nilai moral orang-orang yang bukan Islam dan sama ada terdapat sebarang usul yang bercanggah dengan ajaran agama ataupun nilai agama yang bukan Islam. Terima kasih.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji**

**Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rancangan orientasi dan juga latihan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, pada masa ini Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sedang membuat saranan kepada semua agensi pentadbiran negara supaya menekankan masalah orientasi dan juga latihan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di seluruh negara kerana dengan cara yang tersebut iaitu orientasi dan juga latihan, kita akan dapat meyakinkan bahawa etika yang diperkenalkan itu akan memperkuat hasrat untuk mencapai matlamat yang dituju oleh Kerajaan sendiri dalam bidang pentadbiran.

Mengenai dengan sama ada telah ditinjau atau tidak; perkara ini memang telah ditinjau, kerana ia merupakan hasil daripada kajian yang dibuat oleh satu Jawatankuasa khas yang dilantik yang telah juga mengambil kira tentang nilai-nilai dalam agama-agama lain khususnya agama-agama yang terdapat dalam negara ini. Maka kerana itulah nilai yang kita dapati yang telah

diperkenalkan menerusi etika pekerjaan Islam ini yang merupakan sebahagian daripada keseluruhan etika pekerjaan Islam adalah dipadankan dengan ajaran-ajaran yang berteraskan kepada "universalism" dan juga "kepentingan awam," "mudah" dan juga "keadilan".

### BRITAIN/MALAYSIA— IMBANGAN PERDAGANGAN

**10. Dato' Lee Boon Peng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil atas masalah ketidakimbangan perdagangan dengan negara Britain, memandangkan negara kita terus menjadi kurang penting sebagai rakan perniagaan Britain dengan hanya 0.5 peratus jumlah dagangan negara itu berbanding lima peratus satu dekat lalu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perdagangan Britain dengan Malaysia tidak pernah mencapai tahap 5 peratus. Dari tahun 1970 hingga 1983 perdagangan Britain dengan Malaysia hanya berkisar di antara 0.4 peratus hingga 0.6 peratus jumlah perdagangan Britain. Menurut perangkaan dipetik dari "Direction of Trade Year Book 1984, IMF", pada tahun 1983, perdagangan Britain dengan Malaysia hanya merupakan 0.4 peratus dari jumlah perdagangan negara itu berbanding dengan 0.6 peratus pada tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua, selama berdagang dengan Britain mengikut statistik kita, Malaysia sentiasa mengalami defisit perdagangan. Pada tahun lalu, jumlah defisit yang dialami oleh Malaysia ialah \$196 juta. Berdasarkan perangkaan yang ada sehingga bulan Jun 1984, Malaysia

dijangka akan terus tercatat kekurangan perdagangan walaupun dengan jumlah yang lebih kecil dari tahun lalu.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa defisit perdagangan dengan rakan perdagangan kita seperti Britain tidak semestinya dilihat sebagai satu perkembangan yang buruk. Malahan apa yang lebih penting adalah prestasiimbangan perdagangan luar Malaysia pada keseluruhannya, bukanimbangan secara individu dengan negara-negara tertentu. Selain daripada itu, defisit perdagangan dengan sebahagian daripada rakan perdagangan kita seperti Britain adalah perkara biasa di dalam arena perdagangan antarabangsa yang tidak harus dilihat sebagai satu perkembangan yang membimbangkan.

Kurangan perdagangan dengan Britain adalah disebabkan Malaysia sedang pesat dalam proses pembangunan yang perlu mengimport barangan seperti kelengkapan jentera pengangkutan dan perhubungan, bahan-bahan binaan serta jentera untuk sektor perkilangan dan pertanian. Britain merupakan salah satu pembekal barang-barang tersebut yang cekap. Pembelian daripada sumber-sumber yang cekap adalah penting untuk menentukan barangan yang diimport mempunyai harga dan mutu yang memuaskan.

Kerajaan telah mengatur beberapa langkah untuk memperbaiki kedudukanimbangan perdagangan negara ini seperti yang sedang dialami dengan Britain. Langkah-langkah tersebut telah pun saya huraikan di Dewan ini pada 10hb Oktober 1984 dahulu semasa menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Setapak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir).

### ISTERI-ISTERI YANG BERKERJA BERHENTI

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menerangkan benarkah menjadi dasar Kerajaan sekarang:

- (a) menggalakkan isteri-isteri yang bekerja supaya berhenti jika pendapatan suami mereka telah mencukupi pendapatannya; dan
- (b) menggalakkan wanita-wanita berkahwin sewaktu umurnya masih muda iaitu dalam lingkungan 15-16 tahun umurnya, dalam usaha Kerajaan sekarang ini hendak meningkatkan bilangan penduduk sehingga berjumlah 70 juta orang itu.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah merupakan satu saranan sahaja dan bukan dasar Kerajaan. Terpulanglah kepada isteri pegawai-pegawai yang bergaji tinggi untuk menimbangkan baik buruknya akan saranan itu. Keputusan adalah terletak kepada pertimbangan mereka sendiri sama ada hendak terus bekerja atau menjaga anak-anak mereka di rumah.

Mengenai bahagian (b), suka saya menyatakan bahawa pencapaian bilangan penduduk 70 juta itu harus dibuat dengan teliti tanpa merugikan sesuatu pihak.

Negara masih memerlukan sumbangan cerdas pandai dari kaum wanita. Sekiranya digalakkan mereka berkahwin di peringkat umur yang terlalu muda, semata-mata untuk membanyakkan rakyat negara ini, ianya akan menjejaskan peluang

pelajaran kaum wanita dan juga merugikan negara secara langsung dan secara tidak langsung.

Perkara yang patut disedari dan difahami mengenai 70 juta penduduk ialah matlamat ini adalah matlamat jangka panjang di mana ianya dijangka akan dapat dicapai dalam masa 115 tahun iaitu hampir dua generasi dari sekarang dengan memperlahankan penurunan kadar kesuburan penduduk sebanyak 0.1% bagi tiap 5 tahun mulai daripada tahun hadapan (1985).

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana menambahkan bilangan rakyat telah menjadi dasar bagi Kerajaan kita sekarang ini dan memang bagus bendanya, maka adakah Kerajaan pernah berfikir untuk memberi bantuan kepada golongan wanita yang beranak banyak seperti memurahkan harga susu kanak-kanak ataupun memberi hadiah-hadiah yang tertentu yang berharga kepada wanita yang beranak banyak itu?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat mengenai perkara itu (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

### KERAJAAN MULLAH— PENUBUHAN

3. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah penubuhan sebuah Kerajaan yang berasaskan sistem mullah (yang beliau telah menuduh pelampau-pelampau)

atau sebuah negara Islam (yang orang-orang bukan Islam di Malaysia bimbang akan menjadi langkah kemudian selepas proses Islamisasi oleh Kerajaan) kerana ia adalah sangat merbahaya terhadap pemeliharaan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya.

**Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab pertanyaan yang serupa dalam mesyuarat Dewan Rakyat Penggal Kedua ini pada 9hb Oktober, 1984. Tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan-jawapan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

### PERJANJIAN MAS DENGAN SIA

**11. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menerangkan apakah faedah-faedah yang didapati setelah beberapa perjanjian dibuat antara MAS dengan SIA (Sistem Penerbangan Singapura), adakah benar perjanjian tersebut hanya menguntungkan SIA.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Hyan):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini MAS dan SIA mempunyai dua perjanjian perkhidmatan usaha sama di antara mereka itu Perjanjian bagi Perkhidmatan usaha sama di antara mereka itu Perjanjian bagi Perkhidmatan pada Sektor Kuala Lumpur-Singapura dan sebaliknya yang dikenali sebagai perkhidmatan "shuttle" dan Perkhidmatan pada Sektor Kuantan-Singapura dan sebaliknya.

Perjanjian Perkhidmatan Shuttle yang diadakan pada sektor Kuala Lumpur-Singapura dan sebaliknya itu adalah berdasarkan kepada aturan perkongsian pendapatan di antara kedua syarikat penerbangan.

Semenjak MAS dan SIA memulakan perkhidmatan di bawah Perjanjian ini pada bulan November, 1982, kedua-dua syarikat penerbangan telah dapat memperolehi faedah-faedah seperti dari segi adanya penetapan serta penggunaan kapasiti yang tidak membazir, menjimatkan kos operasi dan membolehkan jadual-jadual penerbangan bagi sektor tersebut diadakan mengikut kehendak-kehendak permintaan pasaran.

Berhubung dengan perkhidmatan usaha sama pada sektor Kuantan-Singapura dan sebaliknya pula, perjanjian yang dibuat adalah berdasarkan kepada aturan perkongsian kos dan pendapatan di antara kedua syarikat penerbangan dan aturan ini dianggap wajar bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan aliran trafik di antara sektor tersebut, khususnya pertumbuhan trafik pelancongan ke Kuantan.

Kedua-dua perjanjian di antara MAS dan SIA ini telah dibuat dengan fahaman dan tujuan bahawa kedua-dua syarikat penerbangan akan dapat menikmati faedah yang sama dan seimbang di mana satu pihak dikehendaki membuat bayaran-bayaran yang tertentu kepada pihak yang satu lagi bagi menentukan adanya perkongsian hasil pendapatan yang sama. Oleh itu adalah tidak benar bahawa perjanjian-perjanjian berkenaan lebih menguntungkan satu pihak sahaja.

Bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengawasi perjalanan perjanjian serta perkhidmatan tersebut dan syarikat-syarikat penerbangan berkenaan akan diminta

untuk membuat apa-apa pembaikan yang perlu bagi meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan kepada orang ramai dan juga prestasi syarikat-syarikat penerbangan itu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Pertama).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—*

*Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh, sila sambung ucapan.

3.36 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya dalam Bekalan 7, Butiran

110 dan juga aktiviti (a) Program Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semasa kita berada di Mekah dan juga di Madinah, kita mesti bersama dengan keluarga kita, mesti duduk satu tempat ataupun satu muassasah, terutama kepada orang-orang tua ataupun uzur. Kalau tidak akan berlakulah kehilangan barang-barang, pertukaran bas, sesat tak boleh balik dan macam-macam lagi boleh berlaku. Kadang-kadang bas itu singgah sekejap di tempat makan di pertengahan jalan, kita tengok bas itu serupa dan kita naik ikut dia, turun bas nombor 9, naik bas nombor 10, akhir sampai ke sana dia tak bertemu tuannya. Inilah keadaan yang berlaku kalau sekiranya kita tidak bersama-sama dalam satu keluarga atau satu muassasah terutama bagi orang-orang tua.

Tuan Yang di-Pertua, satu rombongan doktor daripada Kelantan bawa 8 orang, apabila sampai ke sana dia berpecah tiga muassasah, tetapi oleh sebab dia ada keluarga yang rapat dengan Di Raja Arab, dia telah mengadu perkara itu dan dia minta dia tidak mahu masuk muassasah daripada Raja Arab Saudi sendiri. Akhirnya, dia tak payah bayar, dia boleh keluar dan wangnya \$1,800, wang yang tak berkenaan dan \$300 di Mina semua itu dibayar balik, cuma dia membayar kepada Kerajaan Saudi Arabia SR759, yang lain dia bayar sendiri. Dan di Arafah dia pergi hari ke sembilan sebelum wukuf, malamnya bertolak ke Muzalifah, Mina dan selepas itu tengah malam dia melontar jumratul akabah. Lepas itu terus ke Mekah. Lepas itu dia berulang. Dengan keadaan ini lebih senang daripada apa yang dilakukan apabila kita bermalam di Mina, ramai jemaah-jemaah daripada luar negeri daripada Pakistan, daripada negara-negara yang berhampiran yang berulang. Dia tak payah duduk di

Mina asalkan kalau pihak muassasah ataupun Sheikh Haji membuka pintu ataupun jangan kunci pintu itu dan memberi air minum ataupun bekalan air itu diberi.

Di antara Mina dengan Mekah itu hanya SR10. Kalau kita keluar petang-petang, kalau masa tidak bermalam di Mina ini keadaannya SR2, SR3 sahaja. Tetapi masa Haji ini hanya SR10, kalau lima hari dia berulang hanya 100SR sahaja. Jadi, ini adalah mengecilkan perbelanjaan. Dan ada juga yang berjalan kaki di terowong. Jadi, kalaulah Mina dengan Mekah itu hanya 4 km. maka adalah lebih baik di antara mereka itu supaya tidak bermalam dan tidak mengalami kesusahan yang teruk semasa bermalam di Mina.

Bagi jemaah yang bayar melalui Tabung Haji, dia terpaksa bayar dua kali. Satu, dia bayar kepada Lembaga Urusan Tabung Haji dan satu lagi dia bayar untuk berulang. Dia bayar kepada van dan juga yang dibayar kepada Muassasah itu tidak akan dapat dituntut balik. Kerana semua telah dibayar kepada Muassasah dan tidak mungkin lagi mereka itu akan dapat tuntutan kembali melainkan apabila perintah Menteri ataupun Raja.

Sebenarnya, Arab, dia sangat takut kepada Menterinya dan Rajanya. Jadi, dengan sebab itulah sebut sahaja Raja, dia mesti bayar balik, tetapi kalau sebut sahaja Lembaga Urusan Tabung Haji, dia kata dia tepuk dada, dia tidak ada kuasa di sini. Dan pula perangai Arab ini, kalau kita lebih kuat suara daripada dia, walaupun tidak erti bahasa Arab, kita menang. Jadi, kita kena berani, kita kena rapat kerana undang-undang Negeri Arab, kalau jemaah memukul Sheikh Haji ataupun Arab, undang-undangnya orang Arab itu yang bersalah kerana takkanlah kalau tidak salah orang datang untuk buat ibadat ini hendak

pukul Sheikh Haji. Jadi, kalau kita ada duit pun sampai tidak bayar denda pun tidak mengapa, kalau sekiranya kena denda. Inilah keadaan yang kita harus memberitahu kepada jemaah kita, bukan suruh bertumbuk tetapi kita jangan jadi bodoh masa di sana. Ramai jemaah haji kita yang Lembaga Urusan dan Tabung Haji bayar kepada Muassasah di Mina SR300 dan tidak digunakan langsung dan duit itu setengahnya kalau terlampau marah dia tidak halal. Dia kata wang itu adalah wang haram. Kalau Muassasah terima adalah Muassasah terima wang haram, kerana dia tidak makan pun dan begitu juga bayaran \$1,400 untuk sewa rumah.

Kadang-kadang rumah saya, macam cerita kelmarin, macam sarang kambing, macam reban ayam, tidur di tepi bilik air, kotor dan mereka setengahnya terpaksa lari ke hotel dan juga ke rumah-rumah tumpangan sendirian. Kalau di hotel kita bayar SR5000. Masa itu hotel sebenarnya tidak penuh. Cuma cerita sahaja kata penuh, dan pula orang yang cerdik pandai, dia boleh menjalankan.

Misalnya, kalau kita register dua orang, kita boleh duduk empat orang, tipulah sedikit. Lebih baik daripada kita duduk di tempat-tempat berdebu atau tempat-tempat lapang, tempat-tempat yang tidak mempunyai langsung keselamatan, rumah terbuka, ada dinding, atapnya tidak ada. Jadi, keadaan ini berlaku. Dan ada juga rumah yang besar, rumah yang biasa kita boleh sewa sampai SR4000 kita duduk lapan orang. Jadi kalau kira dalam SR500 satu orang. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji kata ialah lapan orang sahaja. Walaupun lapan orang, walaupun beberapa orang, ia maknanya orang dapat ikhtiar. Jadi, biarlah kalau orang hendak pergi dengan persendirian pun bolehlah memudahkan perjalanan mereka itu.

Dan wang \$1,400 ini juga, kalau duduk hotelkah, mana pun dia tidak akan dapat balik.

Kita pergi mengadu kepada orang urusan Tabung Haji, dia kata minta sendirilah. Dia tidak berani minta, dia suruh kita minta. Dan kalau duit ini juga, ada pernah saya komplehlah, pohon izin, Tuan Pengerusi, fasal tempat tinggal. Jadi dia tanya pula kita, anta ini datang mahu buat ibadatkah, mahu duduk rumah selisa, kata dia. Dia tanya, anta. Jadi, kita pun pohon izin, Tuan Yang di-Pertua, anta itu. Jadi, saya pun kadang-kadang naik panas juga. Tanya, awak ini mahu wang haramkah, mahu wang halal? Pucat dia. Kalau kata halal-haram, dia pucat sedikit. Kerana SR1,400 itu adalah wang haram, sekiranya tempat itu tidak diberi dengan selisa, orang tidak halalkan, tetapi Arab ini dia bukan kira halal-haram, masuk poket habislah. Dan tidak akan boleh balik lagi. Sekali lagi saya pohon kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, jangan cepat-cepat bayar dan biar lambat sedikit dan pula lepas itu dapatlah orang yang mengadu yang tidak duduk di rumah-rumah yang disediakan oleh Sheikh-sheikh itu dapat diberi bayaran balik, apa yang dilakukan.

Sebenarnya, di Tanah Suci ini ada setengah orang mengatakan tanah suci sahaja Suci, orangnya tidak sesuci tanah. Kerana mula-mula kita pergi, air moya itu SR2, orang ramai sedikit SR3, ramai lagi \$4.00. Saya tidak berani kata SR4. Dan di Arafah SR5. Jadi, keadaan ini naik. Jadi benda-benda ini seolah-olah macam pasang jerat di permukahan. Jadi, keadaan ini berlaku dan orang kita walaupun 5 sen terpaksa kira.

Tuan Pengerusi, bayar dam. Bayar dam ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengambil SR350. Tetapi ada orang Melayu yang di luar yang kita percaya hanya mengambil SR300 sahaja. Dan katanya hak mengambil

SR300 ini dia tidak sembelih masa itu. Dia tidak sembelih masa kita buat haji itu. Dia sembelih lembu ini selepas kita balik. Kita sudah balik sebulan, dua bulan, selepas habis buah tamar, habis air zam-zam, baru dia sembelih di sana. Dan masa itu lembu murah, tidak mahal. Satu ekor boleh dapat sampai SR200-250 sahaja. Tetapi Lembaga Urusan Tabung Haji mengambil dengan harga SR350. Jadi, satu lagi persoalan tentulah ramai, mungkin beribu-ribu dam ini akan dilaksanakan. Adakah pihak Lembaga Urusan Tabung Haji dapat mengesahkan bahawa dam ini dilaksanakan. Kerana ialah mungkin kalau dia menyerah kepada orang Arab untuk melaksanakan atau orang di sana untuk melaksanakan, kalau mereka tidak laksanakan, mereka bertanggungjawab tetapi kita tidak lepas juga apa yang kita hajati. Jadi, ini menentukan bahawa yang dipungut beribu-ribu orang itu hendaklah menentukan bahawa benda-benda itu dapat dilaksanakan.

Satu lagi saya meminta supaya patut Lembaga Urusan Tabung Haji ini berikhtiar mencari jalan bagaimana menjimat perbelanjaan yang dilakukan oleh ahli-ahli jemaah haji kita. Kalau boleh dapat SR200-250 dam, carilah SR200-250. Biarlah kambing kurus pun tidak mengapa ataupun lembu kurus tidak mengapa, kita hendak lepas niat sahaja. Tetapi benda ini akan dapat setelah orang balik habis, selepas sebulan benda ini akan turun harga dan benda itu masa itulah mereka laksanakan dam-dam semuanya. Tetapi jangan kita kira masa harga yang tinggi, kira masa yang minima, dan ini lebih menolong rakyat kita. Dan memanglah kita mempercayai kepada Tabung Haji untuk melaksanakan benda itu. Yang bimbang, takut dia suruh kepada orang lain.

Satu lagi saya terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang katanya pemberian visa akan

diberi kepada orang yang benar hendak menunaikan Fardhu Haji dengan persendirian. Cuma saya minta supaya pemberian ini diberi oleh Lembaga Urusan Tabung Haji dan juga Jabatan Perdana Menteri dengan mudah kebenarannya bagi jemaah haji yang mendapat visa kepada mereka yang benar-benar mahu menunaikan haji. Saya terpaksa menekankan sedikit.

Dan bukti mereka itu mempunyai wang yang cukup secara perseorangan dan dikenalkan benar-benar mereka itu mampu untuk menunaikan fardhu haji, jangan diberi kepada orang yang hendak jual negara kita—jangan orang yang sambil menyelam minum air pun jangan juga, kita kenal dan beri. Kerana yang saya tahu beberapa orang yang saya temui itu mereka memang orang yang sudah tiap-tiap tahun berulang ke Mekkah, ia tahu di Mekah itu ada tetapi terpaksa melalui Singapura, atau terpaksa melalui Thailand kerana visa tidak dapat, visanya susah. Jadi pintunya dibuka itu adalah amat berterima kasih dan patut perkara ini diberi kepada mereka yang benar-benar hendak menunaikan fardhu haji. Kerana semenjak adanya Muassasah, bagi orang yang pernah pergi ke Tanah Suci ataupun keluarga yang membawanya adalah lebih senang pergi secara persendirian, bayarannya lebih kurang sama, kalau lebih pun tidak mengapa kerana kita ikhlas. Kita bayar satu sahaja, kalau hotel \$5,000 pun sekali bayar sahaja. Ini kalau kita pergi dengan Tabung Haji, sewa hotel \$5,000 yang \$1,800 habis lenyap juga, yang tidak makan di Mina pun habis juga. Ini hendak membetulkan keadaan. Jadi, kalau sekiranya orang yang tahu yang biasa, sekurang-kurangnya mengurangkan beban. Biarlah orang-orang yang pergi secara persendirian ini dapat mencari keselesaiannya sendiri. Jadi, tidaklah mereka ini terpaksa membuang wang

yang banyak kerana mencari keselesaan.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, rakyat kita yang jujur, mampu dan boleh ke Mekah dengan persendirian, janganlah kita membiarkan mereka itu mendapat kesusahan semasa di Mekah. Selain daripada mereka itu pergi ke Singapura juga Thailand untuk mendapat visa, mereka itu pergi dengan Visa Umrah tiga empat pula sebelum sampai Haji, duduk di sana.

Di Mekah kalau tiga empat bulan pun sewanya sama dengan duduk seminggu, baik duduk tiga empat bulan. Kalau masa Nabi dahulu makan kurma kita takkan tidak boleh makan kurma, dengan air sejuk—duduk tiga empat bulan di sana, rumahnya sewa sama. Jadi, sampai musim Haji yang sedihnya mereka ini akan jadi orang pelarian tidak boleh keluar rumah—polis tangkap, dan mereka ini apabila ditemu akan dihantar balik. Ini yang sedih bagi kita, dihantar balik. Jadi, siapa yang bertanggungjawab, pada hal mereka sudah sampai ke Tanah Suci. Kalau tidak hantar balik, duduk dalam jel baik. Inilah yang menyedihkan kita. Jadi itulah keadaannya kesusahan yang mereka alami adalah kerana Kerajaan kita tidak memberi visa kepada orang yang benar-benar jujur dan ingin menunaikan fardhu haji dan tidak patutlah pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji memaksanya supaya pergi dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Sebaliknya dengan nilai-nilai keislaman yang kita amalkan, biarlah orang itu memilih sendiri asalkan mereka itu dapat menunaikan Rukun Haji yang kelima.

Sekiranya perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji baik, memuaskan, tidak menyusahkan, saya rasa tidak ada undang-undang pun mereka akan pergi dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji terutama mereka yang

pergi dengan persendirian dan mereka yang pergi pertama kali. Jadi, kalau kita buat undang-undang seolah-olah macam tanggungjawab kita untuk menyekat orang pergi menunaikan fardhu haji ke Mekah. Walaupun begitu, Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak perlu bimbang kerana kita tahu kalau 24,000 setahun sudah tentu mereka pergi dengan pelancongan tidak akan dapat pergi. Habis-habis ramai 5,000-6,000 orang dan masih ada lagi 20,000 lebih Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh uruskan, maka keadaan ini patutlah Tabung Haji jangan bimbang dan biarlah mereka itu tanggung sendiri. Yang kita takut orang susah buat apa. Mereka hendak pergi ke Mekah, takut stranded di sana, buat apa kita susah, asal bagi visa dia pergi sendiri. Walaupun dia rakyat kita tetapi dia hendak bertanggungjawab sendiri, biar dia pergi. Lain kali kalau sudah susah, dia tak pergi lagi dengan sendiri, dia pergi dengan Tabung Haji. Ini kita tidak cuba dia, biar dia pergi, hendak pergi sendiri, pergi. Tetapi ceritanya dengan adanya Muassasah ini, pergi sendiri lebih baik.

Tuan Pengerusi, Tabung Haji tujuannya menjamin perlindungan, pengawalan dan kebajikan orang-orang Islam menunaikan fardhu haji ke Mekah dengan mengadakan berbagai kemudahan, perkhidmatan seperti urusan haji, perkapalan, kesihatan dan sebagainya. Tujuan ini baik dan mulia tetapi pegawai-pegawainya ataupun budak-budak di Madinah dan Mekah, dia membezakan orang pergi dengan Tabung Haji dengan orang yang pergi secara persendirian dia membezakan. Kadang-kadang orang Malaysia kita ini yang pergi persendirian ini tidak diberi layanan langsung tetapi kalau orang Indonesia, Thailand yang sakit diberi layanan pula, sebab dia tidak ada tempat hendak bertanya. Kalau kita ditanya, mana kad Tabung Haji—tidak ada. Tidak ada pergi dengan

Tabung Haji, mana ada kad Tabung Haji. Tetapi Tabung Haji ini kita beri peruntukan kepadanya bukan untuk menjaga orang pergi dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja.

Peruntukan yang kita beri di sini untuk urusan haji kepada siapa sahaja rakyat Malaysia yang berada di sana patut diberi perkhidmatan. Ini keluar tiap-tiap tahun bukan keluar daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, ataupun bukan ambil daripada wang orang simpan, ini kita ambil daripada Kerajaan. Peruntukan tiap-tiap tahun diberi oleh Kerajaan maka perlindungan, pengawalan semua sekali harus diberi kepada siapa sahaja, utamakan rakyat kita. Memang dia kata pada orang Indonesia pun ada, Thailand pun ada tetapi masalahnya rakyat kita yang tidak pergi dengan Tabung Haji disingkirkan.

Ada orang mangadu kepada saya, terpaksa bawa dia, saya tunjukkan kad saya hingga orang itu dapat diperiksanya. Doktor itu ialah doktor dihantar oleh Kerajaan, Klinik Malaysia dihantar oleh Kerajaan tetapi yang menjaga urusan itu orang Tabung Haji—budak Tabung Haji, yang si tua ini tidak ada, Tabung Haji halau balik. Fahaman dan penerangan ini patut diberi. Peruntukan yang kita beri di sini untuk rakyat Malaysia bukan untuk di bawah Urusan Lembaga dan Tabung Haji sahaja. Jadi, perkara itu patut diambil perhatian. Layanan yang sama kepada semua rakyat kita mesti diberi kerana segala-gala dibayar itu adalah wang rakyat, sama ada pergi dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ataupun tidak. Fahaman ini patut diberi kepada pegawai yang bekerja di sana terutama student kita yang ada di sana yang mengerti cakap Arab tetapi takut dengan Arab, maka tidak berani hendak lawan, baik saya tidak pandai cakap Arab.

Tuan Pengerusi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga pentingkanlah kebijakan semua rakyat Malaysia yang pergi menunaikan fadhdu haji ke Mekah itu. Biarlah Tabung Haji ini mendapat untung yang sedikit asalkan matlamat Kerajaan tercapai. Kalaulah Lembaga Urusan dan Tabung Haji pentingkan perniagaan dan mencari keuntungan dengan projek-projek yang besar maka hasrat dan cita-cita Kerajaan akan gagal dan tanggungjawabnya tidak akan tercapai bagi menolong jemaah haji.

Tuan Pengerusi, kembali kepada jemaah haji semasa di Mekah ini, saya suka hendak menyebutkan, saya sendiri mengalami. Jadi, cara itu seolah-olah disamakan, samakan tak apalah, dia buat kita ini semua bodoh. Memanglah ada orang tua yang uzur yang patut kita ajar tetapi tidaklah budak-budak yang kecil itu dia ingat sama. Apabila saya masuk 4 jam tunggu di Kompleks Haji itu, diambil beg kita, dia buka dan dia ambil—ini kena sangkut pakcik, dia sangkutkan. Kita pun sangkutkanlah. Tak bolehkah saya pegang dengan tangan? Tidak, kena sangkut. Kad ini kena bubuh di sini, dia suruh pergi ke depan. Kita pun ambil; tulisan kita lebih cantik daripada tulisannya. Jadi, dia ajar kita macam suruh jadi bodoh. Seolah-olah macam kita ini itulah pertama kali naik kapalterbang. Memang kita akui ada orang pertama kali naik kapalterbang yang pergi ke Mekah itu orang-orang tua tetapi tengoklah juga kaki sedikit. Maknanya bagi tahu kalau orang tidak hendak itu, biarlah, kad itu simpan di luar, senang orang periksa. Ini beg sangkut ditengkok, bekas air kena gelas lepas itu kad itu kena bubuh di depan di sini supaya senang orang hendak koyak. Jadi, semua ini diatur seperti orang sakit berat hendak bawa kencing. Orang sakit berat hendak bawa kencing macam mana, bangun pimpin. Jadi, macam orang sakit berat hendak kencing, itulah cara tolongnya

yang dilakukan oleh budak-budak itu kepada kita yang hendak pergi. Tolong itu bagus tetapi janganlah buat macam itu sekali.

Lepas itu kita dengar ucapan. Dalam ucapan itu di antara isinya tujuan kita hendak pergi ke Mekah ini hendak menunaikan Rukun Haji yang kelima, ibadat kepada Allah s.w.t., alhamdulillah. Sebarang kesusahan yang berlaku di sana anggaplah sebagai satu dugaan daripada Allah s.w.t. dan kita mesti banyak-banyak bersabar dan juga beribadat supaya kita mendapat haji mabrur—haji yang diterima oleh Allah s.w.t.

Akhirnya sampai di Madinah dan di Mekah, kita jadi bodoh. Hendak lawan Arab tidak boleh, takut tidak dapat haji mabrur. Tidur tepi tandas pun tak boleh—tidak apa. Sampai Arab kata, ini jemaah haji bodoh. Kita sudah ada di tingkat atas tetapi mahu tidur di tepi jamban, alhamdulillah katanya ataupun senyum sahaja. Pegawai Tabung Haji ada dekat. Dia kata bodoh kepada jemaah haji. Inilah layanan yang diberi. Kita ada tingkat atas, dia mahu tidur di bilik air di bawah. Macam mana hendak tidur di tingkat atas, panas, tidak ada kipas, tinggi pula orang tua hendak naik, airnya tak naik ke atas, tangki di bawah dengan enginnya tidak naik, habis di atas dahulu, baru di bawahnya habis. Debu tak usah kiralah. Dan kalau runtuh bangunan itu pun boleh jadi, fasal bangunan itu memang di Mekah orang tidak duduk di bangunan itu. Orang haji yang pergi duduk, sebab itulah berdebu, tahi burung, tahi burung di Mekah tidak apa.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita dengar kalau berlaku sedikit kesusahan, misalnya kita kata tinggal di tepi tandas—tidak apa, dugaan. Kalau air tidak ada—cubaan, jadi bodohlah. Lepas itu akhirnya kena

bayar, tak apa—bayar, jangan kelahi, kita hendak buat haji mabrur. Yang tok Arabnya, lekang-lekang dia duduk di Tanah Arab.

Jadi keadaan inilah patut jangan kita, bukan kita melayan tetapi biarlah jemaah Haji kita ini segar-segar pergi ke sana, bukan hendak suruh layan semua, sampai hendak lalu Kastam itu Arab ini, saya ada bawa rambutan, tidak boleh, dia tidak beri, dia hendak ambil, hendak buang rambutan sampaikan kita buka, makan, tunjuk kepada dia pun, tidak, dia ambil hendak buang. Ini pemeriksaan Kastam, zalim dan membazir tetapi dia makan lepas itu saya tidak tahulah. Keadaan ini sepatutnya mintalah, orang hendak pergi buat ibadat, kita percaya ada di antara orang yang bawa benda pelik-pelik tetapi buah rambutan, daging kering, ikan kering, beras sedikit sebanyak. Beras di Arab tidak sedap, hendak pergi ke Mekah bawalah beras, Tabung Haji jangan dengar sangat. Bawa beras, beras tempat kita lebih sedap lagi dimakan, manis. Nasi dengan ikan kering di sana cukup best, Tuan Pengerusi, daripada makan nasi dengan ayam yang Arab sediakan itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi, waktu balik kita mesti tunggu 24 jam di Jeddah. Ini adalah menyiksakan badan kita, sudahlah tawaf hendak balik itu 2-3-4 kali Tawaf Widak, ini masalah pengurusan muassasah yang hendak diceritakan tidak betul ini. Tawaf Widak 2 kali, lepas Subuh berangkat, tunggu-tunggu Zohor; dia kata lepas Asar berangkat, kita pun duduk di Mekah pergi sembahyang Zohor pergi sembahyang Asar dahulu, Tawaf Widak sekali lagi, lepas Asar tidak berangkat juga. Tawaf, tunggu lagi lepas Tawaf Widak balik, lepas itu Maghrib pergi sembahyang jumaah lagi, Maghrib, Isyak sampai ke Subuh. Daripada Subuh hari ini sampai Subuh esok baru berangkat, Tawaf Widak sekali lagi, 3 kali Tawaf Widak, duduk

lagi, pergi tunggu pula 24 jam, lepas 24 jam tidak apalah; daripada pukul 5.00, pukul 6.00 check-in, berbaris pula. Tiap-tiap orang hendak periksa Imigeresen sekurang-kurangnya 3-4 jam tunggu berbaris, hendak duduk pun tidak boleh. Orang tua, perempuan, duduk sedikit Arab marah. Benda ini kita minta kerjasama supaya orang Tabung Haji ajar, orang kita bukan erti cakap Arab sangat, tidak erti berbahasa dengan Arab itu, yang erti pun tidak tahu, tidak tahu hendak berbahasa, tidak tahu hendak kira dengan Arab, sampaikan habis periksa Imigeresen masing-masing macam pening lalat, makan tidak lagi, hendak naik kapalterbang pukul 10.00; pukul 9.00 pening lalat. Tunggu daripada pukul 6.00 sampai pukul 10.00 kapalterbang tidak datang, lewat. Pukul 2.00, lepas pukul 2.00 pukul 3.00 pukul 4.00, sampai pukul 8.00 pagi duduk dalam bilik, 500 orang duduk dalam bilik sempit, air-cond tutup pintu habis. Cuba tuan-tuan fikir!

Ini adalah sebab kelemahan pengurusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam menyediakan jadual pulang. Kalau sekiranya kapalterbang tidak datang, kapalterbang MAS duduk di Rome kita sudah disuruh masuk dalam bilik itu. Jadi keadaan ini berlaku, saya hendak ceritakan ini kesusahan, Yang Berhormat naik itu sahaja, yang lain tidak, yang hak kena satu ini yang teruk, dua, lepas dua, tiga yang tidak kena tidak apa, yang kena? Malam itu Hakim Besar (Chief Justice) pun ada, dia pun sama-sama, tetapi dia orang besar tidak cakap banyaklah, puak-puak politik cakap banyak sedikit. Ada yang pegang besi, yang tunjuk penumbuk, jirus air panas dan macam-macam lagi. Duduk dalam bilik 400 orang itu dan pukul 10.00 masuk sekejap dia beri makan. Daripada pukul 10.00 sampai pukul 8.00 pagi minum, lepas minta-minta barulah Manager itu beri minum, tidak cukup;

hendak keluar rumah, hendak jenguk kepala ke luar pun tidak boleh, Arab tidak beri. Inilah budak-budak Arab.

Jadi inilah keadaan yang berlaku menyebabkan kita sudah letih bertambah letih. Jadi tidak apalah, dugaan Allah s.w.t., tetapi yang kita sedihnya bukan dugaan Allah s.w.t., sepatutnya rumah kita itu periksalah dahulu. Orang Tabung Haji pergi awal-awal, periksa dahulu rumah untuk jemaah Haji ini elok atau tidak, ada pintu atau tidak, tahi burung banyakkah tidak, tahi anjing adakah tidak; tengoklah dahulu. Tilmam itu kalau dipijak berdebu, kalau di rumah pun tidak boleh tidur, lepas itu jemaah Haji mati, sakit; macam mana tidak sakit—debu! Saya ini tidak apalah, cerdik sedikit, bolehlah basuh bilik, ambil bilik atas basuh-basuh boleh juga, basuh sendiri. Tidak apalah, dugaan, cubaan!

Tuan Pengerusi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji sepatutnya memberi pengawasan untuk mengawasi hubungan pegawainya dengan syeikh-syeikh Haji atau muassasah. Saya tidak mahu menuduh apa-apa, tetapi ada di antara pegawai Tabung Haji ada hubungan dengan syeikh-syeikh Haji, dengan muassasah. Ada di antara mereka ini memberi lebih kepada setengah-setengah muassasah. Mana yang pergi bersendirian pun kalau pergi mengadu ke Tabung Haji, dia ambil beri muassasah itu, orang besar-besar pun muassasah itu, yang bayar lebih pun muassasah itu. Setelah saya checked muassasah itu tengok orang besar-besar, VIP pun ada situ, yang bayar lebih, yang \$8,000 pun muassasah itu semua. Apabila saya checked rupa-rupanya muassasah itu keluarganya Ali Inderagiri. Ali Inderagiri ini boss, orang paling besar kepada muassasah. Boss ini jenguk pun tidak, muka pun tidak nampak, tempat orang duduk. Dia ini sebagai boss, kalau pergi ditengking: Apa anta

ini mahu susah-susah, ana mahu makan nasi minyak pun tidak dapat. Ini yang susah.

Jadi keadaan inilah yang sedih dan juga ada pegawai kita yang terlibat. Saya minta ambil perhatian perkara ini kepada pihak tertentu supaya perkara ini tidak berlaku. Saya tidak mahu menuduh tetapi saya memberi teguran sebagai ingatan atas perkara ini. Ada orang main kayu tiga dalam perkara ini dan perkara ini saya dengar cerita bahawa hubungan di antara Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini pegawai kita dengan syeikh-syeikh itu ada, dia rekomen itu, rekomen ini; yang bodoh ini kenalah di mana pun, yang cerdik itu ada juga. Dan juga ada diantaranya berniaga, ambil kesempatan, kontrak itu, kontrak ini. Jadi kalau benda itu tidak melanggar peraturan tidak apa, kalau melanggar peraturan saya minta pihak Jabatan berkenaan mengambil perhatian supaya pegawai-pegawai yang terlibat itu tidak akan berterusan menjalankan kerja ini kerana anaiayanya kepada orang lain.

Perkara ini sebagai satu pandangan saya kepada pihak yang berkenaan supaya keadaan ini tidak akan berlaku dan berterusan. Juga saya mencadangkan kepada pihak Tabung Haji supaya menentukan, kalau kita kata hapuskan muassasah pun tidak boleh, Kerajaan Arab sudah tetapkan mesti turut 3 tahun, jadi percubaanlah kita, 3 tahun itu percubaan (try); kalau elok, elok; kalau tidak elok tidak tahulah. Jadi kita terpaksa terima, hendak atau tidak. Kita minta jaminan, kalau jaminan dengan Menteri dia, tidak apa—beres, anta beres, semua beres, tetapi sampai masa akan tetap berlaku.

Kalau tidak mendapat sokongan daripada syeikh-syeikh Haji yang kaya, yang ada kelengkapan cukup, mereka inilah yang membangkang. Inilah Lembaga Urusan dan Tabung Haji mesti mengambil ketetapan dan janji-janji ini, kalau tidak keadaan ini

akan terus berlaku. Setakat Menteri dia bercakap itu, dia akan buat pula, kalau tidak; tidak jadalah perang di Israel itu tidak pernah memang. Itulah keadaannya. Jadi saya mintalah kepada Tabung Haji ini akan terus mendapat kerjasama daripada pihak yang berkenaan.

Kedua, wang kepada Muassasah itu jangan cepat dibayar. Sekali lagi saya minta supaya mana orang yang tidak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Muassasah itu dibayar balik supaya tidak menanggung beban yang amat berat.

Kedua, kuasa-kuasa lebih hendaklah diberi ataupun digunakan dan pegawai-pegawai cekap dan berani hendaklah digunakan dan dihantar ke sana. Students kita yang ada di sana disuruh mencari orang hilang sudahlah, tidak usah bagi yang lain, suruh pergi bawa fail, suruh pergi beli buah kurma, buah tamar, pergi ambil air zam-zam boleh, yang lain tidak usah. Cari orang yang pandai mentadbir. Mentadbir ini tidak mesti pandai cakap Arab. Kerana mereka itu tiada pengalaman mentadbir. Kita lihat semua bercelaru sentiasa, saya pergi ke pejabat, pejabatnya pun bercelaru. Di Madinah pun bercelaru, keluar masuk keluar masuk. Orang hilang seorang, empat, lima orang keluar masuk, keluar masuk. Ini pentadbiran tidak mesti tahu cakap Arab. Kita hendak bercakap dengan orang Melayu di situ. Jadi, minta hantar pegawai yang berpengalaman dan tahu pentadbiran supaya dapat mengatur kepada orang-orang yang pandai bercakap Arab ini pergi mencari dan menjalankan tugas supaya tidak menyusahkan jemaah-jemaah Haji kita.

Satu lagi saya minta supaya Kerajaan Arab Saudi kalau hendak buat Muassasah buat semua, jangan buat percubaan, ataupun batal kepada orang kita dahulu, buat kepada orang

Arab. Ini saya minta kepada pihak kita dan keadaan ini kita mesti tegas. Masalah sekarang ini kita hendak pergi ke negeri orang, kita hendak lawan dengan dia macam mana. Inilah Iran minta supaya dibebaskan Baitulmuqaddis supaya dijadikan Wilayah International. Tetapi Baitulmuqaddis itu hak orang Islam seluruh dunia bukan hak Arab Saudi. Kita pergi ke sana mesti mengikut syarat-syarat yang dia buat, peraturan yang tidak betul yang boleh menyusahkan jemaah-jemaah Haji. Kerajaan kita mesti mengemukakan cadangan-cadangan supaya mereka itu boleh menerima, janganlah mereka itu buat ikut sedap sehingga jemaah Haji kita merana dan susah sabit dengan sebab peraturan yang kita buat.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya akan ambil daripada B. 11—Badan Pencegah Rasuah, Butiran 2—Pendakwaan dan Butiran 3—Penyiasatan.

BPR telah diperuntukkan sebanyak \$19,575,100 dan kelebihan sebanyak \$2,479,300 berbanding dengan tahun 1984. Ini adalah membolehkan hasrat Kerajaan benar-benar untuk menghapuskan dan ini adalah menggambarkan bahawa Kerajaan benar-benar berhasrat untuk menghapus dan mencegah berlakunya rasuah. Hasrat Kerajaan dalam tujuan BPR ini ialah untuk mencegah dan menghapuskan segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh undang-undang. Kejayaan dan hasilnya dapat dilihat dengan membandingkan dengan negara-negara lain di Asia ini dan juga negara-negara yang berjiran dengan kita bahawa negara kita merupakan yang bersih di dalam amalan rasuah di rantau ini. Ini adalah komen daripada Barisan Nasional. Jangan pakai komen daripada Parti-parti Pembangkang yang matanya selalu melihat kepada keadaan yang negatif.

Tuan Pengerusi, saya mengakui bahawa rasuah dan juga pelacuran tidak akan dapat dihapuskan selagi wujudnya manusia bernafsu. Bernafsu hendak kaya, tidak cukup dengan apa yang ada, masa rasuah tetap akan berlaku. Oleh itu usaha mencegah dan mengurangkan dalam kadar yang minima, mungkin dapat diusahakan oleh Kerajaan yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, dalam pendakwaan dan penyiasatan, BPR hendaklah berhati-hati. Evidence yang benar dan boleh dipercayai hendaklah diterima. Tidak semua surat-surat terbang boleh dipercayai kerana ramai sangat orang-orang dengki. Kalau DAP dia amat jealous menengok kepada Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri. Tiap-tiap kali minta supaya mengisytiharkan harta. Sebab itulah mereka selalu ragu-ragu dan tidak percaya kepada kebersihan yang ada dalam pentadbiran yang dijalankan oleh Kerajaan kita. Tiap-tiap kali ditimbulkan dengan nada yang sama sejak saya berada dalam Dewan ini. Selalunya orang yang ragu dan syak kepada orang lain melakukan yang jahat dan keji itu kerana fikiran dan hasratnya akan atau pernah melakukan seperti itu sekiranya diberi kesempatan dan kuasa.

Tuan Pengerusi, dalam pendakwaan, orang memberi dan menerima rasuah ini adalah sama-sama melakukan kesalahan. Kalau tidak orang memberi maka tiada orang menerimanya. Tetapi orang yang memberi rasuah itu sepatutnya lebih berat denda atau hukuman dikenakan sekiranya terbukti kesalahan, kerana rasuah berpunca dari orang yang memberi kerana di dalamnya ada faedah-faedah, kepentingan-kepentingan ataupun opportunity cause yang terdapat, sebab itu dia sanggup memberi kalau kita bandingkan dengan orang yang

menerima. Kalau dia itu tidak melakukan rasuah, sudah tentu kepentingannya tidak akan dapat. Lebih-lebih lagi pemberi ini kadang-kadang ada juga orang yang memberi ini hendak memerangkap seseorang pegawai yang mereka tidak suka pun ada. Jadi, kenalah banding dan kaji keadaan itu kerana apabila kita ini sebagaimana biasa, kalau orang tunjuk sahaja wang, sebenarnya maka akan timbullah nafsu dan kekaburan kita. Tengok wang, orang hendak beri, jadi di sini kiranya orang yang mengambil itu tidak salahlah. Semua orang hendak, seperti menengok perempuan cantiklah. Jadi, wang ini ada. Maknanya nafsu kita dan kekaburan kita akan nampak apabila ada orang tunjukkan wang. Di sini siapa yang bersalah. Orang memberi lebih besar bersalah. Kadang-kadang ini berlaku kepada pegawai-pegawai yang jujur dan ikhlas akan terperangkap dengan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, dalam pendakwaan dan penyiasatan, tafsiran rasuah ini patut ditentukan dan dimaklumkan serta diberi penerangan yang jelas kepada semua rakyat. Bukan tafsiran ada dalam undang-undang sahaja tetap ditafsirkan kepada semua rakyat dan pegawai kerana dalam masalah kita banyak pemberian dilakukan dengan sebutan yang berlainan tetapi perbuatan adalah sama.

“Beri, terima”. Orang yang memberi mesti ada kepentingan dan faedahnya walaupun sedikit. Misalnya kita pernah sebut, “saya bernazar”. Nazar ini rasuah kepada Tuhan, nazar kepada Tuhan, kita beri kepada Tuhan. Persembahan kita beri kepada Raja-raja atau Sultan. Anugerah Raja beri kepada rakyat. Cenderamata kita beri kepada orang besar-besar, hadiah kita beri kepada orang kurang besar sedikit. Lepas itu duit kopi kita beri kepada orang tengah, komisyen kita beri kepada orang tolong jual.

Kadang-kadang sumbangan. Sumbangan kita beri kepada badan-badan. Ini beri semua kepada badan-badan atau institusi-institusi. Kadang-kadang derma. Derma ini kita beri kepada orang yang meminta. Siapa minta semua kita beri, ini derma kita panggil. Lepas itu kadang-kadang kita pergi, "ambillah tanda ingatan". Tidak kawan, tidak kawan, ambillah tanda ingatan. Kawan pun tanda ingatan. Itupun beri juga, dia pun ambil free semua, tiada bayar duit semua itu, lepas itu kadang-kadang kita pergi melawat orang sakit, bawa buah tangan.

Kalau orang besar sakit, makin besar buah tangan yang dibawa. Orang kecil sakit, sedikit-sedikit buah tangan, itupun beri juga, ambil juga. Lepas itu tip. Tip ini perempuan cantiklah, inipun beri juga. Tidak ada, tetapi tujuannya adalah tip. Makin cantik makin besar tip diberi. Dan kepada orang miskin, sedekah. Beri juga, ambil juga. Miskin pun ada kepentingan kita. Dan kadang-kadang beri kepada budak kecil "ambillah untuk wang sekolah". Itu kalau tengok kakak atau anak cantik, "Ambillah kepada adik untuk sekolah." Itupun rasuah juga, ada tujuannya. Dan rasuah ini diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Beri, ambil juga. Kadang-kadang ada juga pegawai ini kerja baik dan sebagainya, "hari raya, ambillah buat belanja." Dia tidak minta. Itu rasuah. Tetapi tidak tahulah yang atas tadi pun dikatakan rasuah pun boleh jadi. Dia tidak kira masalah banyak, masalah sedikit. Beri dan ambil walaupun 5 sen. Keadaan inilah yang berlaku. Kalau di Amerika semuanya pakai tiplah, tip itu kira 10%, 20%. Kalau di Arab kata sedekah "halal-halal." Dia ambil duit kita "halal", ambil duit dia "haram!" (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, kalau pemberian itu dengan suka hati atau kita sedekah tidak paksa atau tidak dijanjikan adakah ini boleh kita panggilkan

rasuah. Kerana kalau ikut hukum, kalau dia suka hati, orang itu tidak pernah minta kerana suka kawan itu kerja baik, pergi pejabat, sudah tanya dan sebagainya, suka hati—halal. Saya rasa dari segi hukum Islam kalau halal itu halallah. Maknanya dia beri dengan cara halal kerana sedekah dan sedekah ini digalakkan dalam Islam.

Begitu juga tentang tujuan dan kepentingan, faedah-faedah kemudiannya adalah kita tidak dapat tentukan kerana semuanya ada dalam hati masing-masing. Walaupun kita beri kepada budak duit, "ambillah duit untuk sekolah"; dalam hatinya kepentingannya ada, kita jangan sangka. Begitu juga kita beri kepada orang miskin, ada hati dan ada bendabendanya di sebalik itu.

Jadi, kalau kita bandingkan dengan Bank Islam, kita pinjam dijanjikan faedah 10% tidak boleh riba. Tetapi kalau tidak janjikan, untung—bayar, walaupun lebih rendah, halal. Ini kira-kira memang itulah tadi, walaupun dia beri dengan suka hati . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, kuorum tidak cukup.

**Tuan Pengerusi:** Sila bunyi loceng kerana tidak cukup kuorum.

(*Loceng dibunyikan; Ahli-ahli dikira, 32 Ahli hadir*).

**Tuan Pengerusi:** Saya mintalah Yang Berhormat, sila berucap atas butir-butirnya, janganlah atas dasar atau principle. Silakan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sudah hendak habis tetapi dikacau oleh Kuching (*Ketawa*), Wakil Bandar Kuching. Saya sudah hendak habis.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, sedekah dan juga beri rela hati ini patut diambil kira. Banyak atau sedikit jumlahnya tidak payah kita kira tetapi perbuatan itu adalah sama. Jadi tafsiran ini hendaklah diberi dan takrif ini adalah penting untuk menentukan supaya orang tidak melakukan perbuatan rasuah ini; kadang-kadang kita tidak tahu. Sebab itu hendaklah dipapar dan diberi penerangan kerana dalam bab penerangan ada.

Jadi, oleh itu saya menyokong peruntukan yang diberi kepada BPR, Tabong Haji dan juga Jabatan Perpaduan Negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kinta.

4.26 *ptg.*

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Maksud B.12—Jabatan Perpaduan Negara. Saya ingin merujuk kepada Butiran 2 di bawah tajuk Perancang dan Penyelidikan; Butiran 3—Perhubungan Masyarakat dan Butiran Kecil 3.2—Pendidikan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum fungsi Jabatan Perpaduan Negara adalah begitu mustahak. Di antara matlamatnya adalah untuk menggalakkan perpaduan dan muhibah di kalangan rakyat di dalam masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa supaya memupuk keamanan di antara kaum dengan tujuan untuk mendirikan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

Dalam konteks corak masyarakat Malaysia yang terdiri daripada rakyat-rakyat berbagai bangsa, agama dan

kebudayaan, perkataan “perpaduan” sepatutnya dijadikan sebagai mercu tanda dalam segala usaha bagi ke arah pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, memandangkan hakikat ini tanggungjawab yang dipikul oleh Jabatan Perpaduan Negara adalah begitu berat. Untuk menjadikan Jabatan Perpaduan Negara sebagai satu agensi yang lebih berkesan lagi untuk menunaikan segala matlamatnya, saya berpendapat bahawa usaha-usaha yang lebih gigih perlu ditingkatkan dalam bidang perancangan dan penyelidikan, Kita tidak boleh menafikan bahawa tahap perpaduan negara pada masa sekarang adalah jauh daripada yang diharapkan. Ini adalah kerana terdapat faktor-faktor yang melemahkan semangat perpaduan di kalangan rakyat ataupun sebab-sebab yang mengakibatkan usaha-usaha ke arah memupuk perpaduan menjadi sia-sia.

Adalah diperhatikan bahawa aktiviti-aktiviti seperti Rukun Tetangga dan Pendidikan yang berbentuk Kelas Perpaduan Rakyat yang telah dijalankan selama ini oleh Jabatan Perpaduan Negara telah pun mencapai hasil dan tujuan yang dikehendaki setakat tertentu.

Aktiviti Rukun Tetangga telah memupuk sedikit sebanyak semangat kejiwaan dan saling tolong menolong di kalangan rakyat dari beberapa tempat. Aktiviti Kelas Perpaduan telah membantu golongan tertentu khususnya para belia dalam pembelajaran Bahasa Malaysia. Kedua-dua aktiviti ini telah berjaya memupuk keharmonian dan persefahaman di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

Namun demikian, usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara sentiasa dilemahkan oleh berbagai-bagai isu dan kejadian yang telah timbul dari masa ke semasa. Isu-isu dan kejadian-kejadian itulah telah menggugat tahap

perpaduan yang sedia wujud dan juga menghalang pengukuhan perpaduan negara yang lebih lagi di kalangan rakyat dari semua komuniti.

Apa yang menyedihkan saya adalah bahawa Jabatan Perpaduan Negara sebagai satu agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk memupuk perpaduan negara tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menyekat isu-isu atau kejadian ini sungguhpun Jabatan Perpaduan Negara adalah sebuah Jabatan Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri. Ini menimbulkan tanda pertanyaan di kepala seseorang tentang kenapa satu Jabatan yang seumpama ini yang berasingan diperlukan. Sungguhpun pemimpin-pemimpin negara sentiasa membuat pengumuman mengingatkan rakyat tentang peri mustahaknya keharmonian antara kaum dan perpaduan negara, saya berpendapat bahawa Kerajaan tidak mempunyai keazaman dan keberanian politik untuk menyekat dengan serta-merta beberapa isu dan kejadian yang sudah jelas menjejaskan keharmonian dan perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, sekiranya kita meneliti dasar-dasar Kerajaan terhadap membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara berbagai bangsa dan agama, kita akan berpendapat bahawa dasar-dasarnya adalah ikhlas dan baik untuk masa depan negara. Akan tetapi sekiranya kita menghuraikan keadaan sebenar masyarakat kita, kita akan berpendapat bahawa keadaannya tidak seperti diingini. Apakah yang menyebabkan tujuan ikhlas dan suci Kerajaan disia-siakan? Sekiranya semangat, dasar-dasar Kerajaan difahami serta diteliti dan diikuti oleh mereka yang melaksanakannya, saya penuh yakin bahawa hasilnya sudah tentu menggalakkan. Saya tidak menyalahkan sesiapa dalam perkara ini.

Saya berpendapat bahawa kelemahan pelaksanaan terletak di pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, mereka melaksanakan dasar-dasar Kerajaan mengikut perasaan dan sentimen mereka dengan tidak membayangkan hasrat Kerajaan ke arah perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, satu isu atau kejadian yang telah saya maksudkan di atas tadi ialah arahan pekeling yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan kepada sekolah-sekolah China dan Tamil baru-baru ini. Mengikut laporan akhbar kononnya arahan itu telah mengarahkan Guru Besar semua Sekolah China dan Tamil mengadakan mesyuarat dan perhimpunan sekolah dalam Bahasa Malaysia.

Saya membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana adalah jelas jika benar arahan itu dikeluarkan, adalah bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Negara yang memberi hak kepada rakyat dari kumpulan yang berbagai kebudayaan untuk belajar dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing dengan tiada sekat. Tiada tempat yang lebih sesuai untuk membangkitkan perkara ini melainkan di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya telah menganggap sebagai tugas dan tanggungjawab saya untuk membangkitkan perkara ini. Saya berasa bahawa sudah pasti Guru Besar-Guru Besar berkenaan sebagai kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai di bawah Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan tidak sanggup dan berani mengeneipkan arahan tersebut, sungguhpun mereka menyedari bahawa arahan itu adalah tidak betul disebabkan mereka bimbang tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka di bawah Perintah Am dan takut pada victimisation, dengan izin.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa tiada sesiapa pun yang menentang usaha-usaha Kerajaan meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, suka saya mengingatkan Kerajaan kejadian-kejadian seperti ini adalah akibat usaha-usaha setengah pegawai Kerajaan yang berminat keterlaluan dengan pgunaan Bahasa Malaysia sehinggakan hak-hak untuk belajar dan mengguna secara bebas bahasa-bahasa ibunda sepertimana diperuntukkan di dalam Perlembagaan telah sengaja diabaikan.

Sayugia diingatkan bahawa kemudahan untuk belajar dan menggunakan secara bebas bahasa ibunda yang telah dipraktikkan dan diperuntukkan selama ini dalam sistem persekolahan kita sekarang di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak boleh dinafikan dan diabaikan.

Tuan Pengerusi, bahasa adalah satu isu yang sensitif. Sebelum isu ini dieksploitasi dan diperbesar-besarkan sehingga tidak terkawal lagi, suka saya menggesa di sini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya beliau mengambil tindakan untuk menyasiat perkara ini dengan serta-merta dan mengarahkan jika didapati benar arahan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan itu dibatalkan atau ditarik balik demi untuk mengekalkan keharmonian antara kaum dan memupukkan perpaduan negara.

Saya berpendapat juga bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran adalah mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang tegas bagi memastikan bahawa perkara-perkara seumpama ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Perpaduan Negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.38 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa perkara dalam perbahasan saya atas Maksud B. 7, di bawah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat?

**Tuan Lee Lam Thye:** Muka surat 33, dalam Buku Anggaran belanjawan mengenai Jabatan Perdana Menteri.

Yang pertama, saya suka merujuk kepada Butiran No. 1—Pentadbiran dan di bawah Pentadbiran 1.5 mengenai Biro Pengaduan Awam.

Bercakap saya atas tajuk Biro Pengaduan Awam ini, suka saya menyatakan di sini bahawa Biro Pengaduan Awam ini ditubuhkan untuk membolehkan orang ramai membuat aduan-aduan tentang kelemahan pentadbiran Kerajaan, tentang ketidakcekapan pentadbiran Kerajaan dan juga salah amalan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Memandangkan kepada tujuan dan objektif ini, saya suka menimbulkan perkara tentang prestasi Biro Pengaduan Awam ini, oleh kerana saya berpendapat bahawa adalah sangat mustahak untuk membolehkan Biro ini menjayakan objektif-objektifnya. Maka adalah penting supaya langkah-langkah perlu diambil untuk meningkatkan lagi prestasi Biro Pengaduan Awam ini.

Saya memperlihatkan dalam Buku Anggaran Belanjawan bahawa anggaran untuk tahun 1984 ialah \$720,600 untuk perbelanjaan Biro, tetapi untuk tahun 1985 ini telah dikurangkan kepada \$676,000 dan kalau saya memperlihatkan mengenai bilangan jawatan, nampaknya bilangan jawatan untuk 1985 ialah 30

apabila diperbandingkan dengan bilangan jawatan untuk 1984 ialah 32. Maka dengan pengurangan perbelanjaan untuk Biro Pengaduan Awam ini, saya bimbang bahawa ini akan menjejaskan prestasi Biro Pengaduan Awam ini. Dan saya harap boleh mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh Biro ini bagi menentukan bahawa dengan pengurangan perbelanjaan ini tidak akan menjejaskan prestasinya memandangkan peranan yang begitu penting yang hendak dimainkan oleh Biro ini.

Selain daripada ini, suka juga saya menyentuh tentang peranan Biro Pengaduan Awam di mana saya berpendapat bahawa badan ini bukanlah wujud sebagai sebuah badan penyalur aduan-aduan daripada orang ramai kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dirujukkan kepada Biro ini, tetapi apa yang lebih penting ialah pihak Kerajaan patutlah menentukan bahawa Biro ini dapat memainkan peranan sebagai satu badan yang benar-benar boleh mengatasi masalah itu dan bukan wujud sebagai sebuah badan penyalur itu sahaja. Mamandangkan kepada objektif-objektif ini, maka saya hendak menitikberatkan tentang betapa mustahaknya mengenai langkah-langkah yang patut diambil untuk meningkatkan prestasi Biro ini membolehkannya dapat mencapai objektif-objektifnya.

Selain daripada ini, suka saya menyentuh tentang laporan tahunan yang disediakan oleh Biro Pengaduan Awam. Pada masa yang lalu saya telah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tentang betapa mustahaknya supaya laporan tahunan ini hendaklah disampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan

Undangan Negeri untuk pengetahuan mereka supaya mereka sebagai penerima aduan-aduan ini dapat memberitahu dengan lebih mendalam tentang prestasi Biro Pengaduan Awam ini. Oleh hal yang demikian, saya hendak mengesyorkan di sini sekali lagi bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri dapat menimbang syor ini supaya Ahli-ahli Parlimen sebagai penerima aduan-aduan daripada orang ramai boleh mendapat laporan tahunan yang disediakan oleh Biro Pengaduan Awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka beralih kepada muka surat 34, Maksud Bekalan yang sama, Butiran 2, Unit Perancang Ekonomi. Atas tajuk Unit Perancang Ekonomi ini saya difahamkan bahawa sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi untuk mengawasi perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan. Sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam apabila beliau menggulung perbahasan, beliau ada menyatakan bahawa Kerajaan akan terus mengawasi perjalanan agensi-agensi ini supaya perbelanjaan adalah selaras dengan sumber kewangan negara.

Saya mengalu-alukan pembentukan sebuah Jawatankuasa di bawah Unit Perancang Ekonomi ini untuk mengawasi Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini dan saya juga suka mencadangkan kepada Jawatankuasa ini supaya ia dapat menentu dan memastikan bahawa laporan tahunan ataupun penyata tahunan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini dapat dibentangkan dalam Parlimen untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat selaras dengan apa yang saya sifatkan sebagai "accountability". Ini adalah mustahak memandangkan bahawa Kerajaan pun telah mengambil satu keputusan untuk

mengawasi perbelanjaan agensi-agensi ini supaya ini adalah selaras dengan sumber kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka beralih kepada muka prestasi Biro Pengaduan Awam ini. Oleh hal yang demikian, saya hendak mengesyorkan di sini sekali lagi bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri dapat menimbang syor ini supaya Ahli-ahli Parlimen sebagai penerima aduan-aduan daripada orang ramai boleh mendapat laporan tahunan yang disediakan oleh Biro Pengaduan Awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka beralih kepada muka surat 34, Maksud Bekalan yang sama, Butiran 2, Unit Perancang Ekonomi. Atas tajuk Unit Perancang Ekonomi ini saya difahamkan bahawa sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi untuk mengawasi perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan. Sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam apabila beliau menggulung perbahasan, beliau ada menyatakan bahawa Kerajaan akan terus mengawasi perjalanan agensi-agensi ini supaya perbelanjaan adalah selaras dengan sumber kewangan negara.

Saya mengalu-alukan pembentukan sebuah Jawatankuasa di bawah Unit Perancang Ekonomi ini untuk mengawasi Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini dan saya juga suka mencadangkan kepada Jawatankuasa ini supaya ia dapat menentu dan memastikan bahawa laporan tahunan ataupun penyata tahunan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini dapat dibentangkan dalam Parlimen untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat selaras dengan apa yang saya sifatkan sebagai "accountability". Ini adalah mustahak memandangkan bahawa Kerajaan pun telah mengambil satu keputusan untuk

mengawasi perbelanjaan agensi-agensi ini supaya ini adalah selaras dengan sumber kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka beralih kepada muka surat yang sama, 34, Butiran 4, Keselamatan Negara. Atas tajuk Keselamatan Negara ini suka saya mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada kenyataan yang telah dibuat baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan membentangkan Kertas Putih mengenai aktiviti-aktiviti pelampau agama yang boleh mengancam keselamatan negara. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan di sini bahawa pihak Kerajaan dapat memperuntukkan masa di dalam Dewan ini untuk membahaskan Kertas Putih memandangkan bahawa Kertas Putih ini mempunyai implikasi yang luas dan saya berpendapat bahawa adalah sangat berguna sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat diberikan peluang untuk membahaskan Kertas Putih ini oleh kerana ini ada kaitan dengan aspek-aspek keselamatan negara. Maka saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenan dapat memberi satu jaminan di sini bahawa perkara ini akan dapat dilaksanakan.

Sekarang saya bercakap sedikit mengenai Butiran 7, muka surat 35, Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi dan Perancangan Am. Berhubung dengan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang memainkan satu peranan penting untuk menjalankan penyelidikan ke dalam banyak masalah-masalah sosio ekonomi di negara ini, di samping untuk menilai dan menaksir kesan terhadap usaha-usaha pembangunan Kerajaan, izinkan saya menyentuh satu masalah sosial yang saya anggap wujud dalam negara ini, iaitu berkenaan dengan masalah setingan.

Masalah setinggan sebagai salah satu masalah sosial yang utama dihadapi oleh Kerajaan dan saya berpendapat bahawa masalah ini akan terus wujud selagi kemiskinan itu berterusan di negara ini. Masalah setinggan sebagai salah satu masalah sosial akan bertambah buruk jika rancangan perumahan Kerajaan tidak berupaya mengatasi dan memenuhi permintaan untuk mendapatkan rumah, terutamanya perumahan kos rendah untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah di kawasan-kawasan bandar. Seharusnya ia adalah menjadi tanggungjawab utama Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, tidak sahaja untuk mengakui masalah setinggan sebagai satu masalah sosial yang utama tetapi juga merumus satu dasar yang bertujuan mencari jalan penyelesaian yang adil dan perikemanusiaan untuk setinggan-setinggan. Pada pendapat saya apa yang diperlukan ialah satu Dasar Setinggan Negara (A National Squatters Policy) yang boleh memberi perlindungan secukupnya kepada setinggan dan memastikan mereka mendapat tempat yang sesuai dalam proses pembangunan negara. Tujuan sesuatu dasar seumpama ini yang saya mencadangkan di sini ialah untuk memastikan objektif-objektif yang berikut:

- (1) Jika tanah Kerajaan yang diduduki oleh setinggan itu tidak dikehendaki dengan segera untuk tujuan projek pembangunan maka hendaklah dibenarkan rumah setinggan kekal di situ.
- (2) Setinggan yang tinggal di atas tanah Kerajaan tidak boleh diusir melainkan Kerajaan berupaya menempatkan semula mereka secara teratur.
- (3) Setinggan yang menduduki tanah private yang perlu diusir kerana pembangunan swasta hendaklah diberi pampasan

yang cukup atau disediakan tempat tinggal yang sempurna. Sekiranya timbul pertikaian antara tuan punya tanah dan setinggan maka pertikaian itu boleh dirujuk kepada satu Suruhanjaya Timbangtara yang perlu ditubuhkan.

Saya suka merekomenkan kepada Kerajaan apabila saya membahaskan tajuk ini tentang Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi supaya memperkenalkan satu dasar setinggan negara yang merangkumi garis panduan-garis panduan dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengatasi semua masalah setinggan dan dasar atau garis panduan-garis panduan itu hendaklah dipatuhi oleh semua Kerajaan Negeri di seluruh negara.

Urusan dan pelaksanaan sesuatu dasar ialah terpenting sekali memandangkan kejadian setinggan di Kampung Bercham di Perak yang mana kekerasan telah digunakan untuk merobohkan rumah setinggan. Kejadian setinggan di Kampung Bercham hendaklah dikesali dan penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan dalam masalah sosial ini hendaklah dikutuk. Saya tidak menumpu masalah setinggan Kampung Bercham sahaja tetapi saya menentang penggunaan keketasan untuk mengusir setinggan di mana juga yang ada kerana ini bertentangan dengan dasar hak asasi manusia.

Memandangkan kepada apa yang berlaku di Kampung Bercham baru-baru ini adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan mengambil pandangan yang serius tentang kejadian seumpama ini dan memastikan ianya tidak akan berlaku di masa-masa akan datang di lain-lain tempat. Kerajaan Persekutuan atau Jabatan Perdana Menteri mestilah menilai semua masalah pengusiran setinggan di berbagai tempat di negara ini terutamanya berhubung dengan

pendekatan yang diambil oleh berbagai pihak berkuasa dalam mengendalikan pengusiran setinggan. Pada pandangan saya hanya satu dasar setinggan negara yang mengakui keperluan ini untuk berlaku adil kepada setinggan dalam proses pembangunan negara yang akan memberi jawapan penyelesaian yang berperi kemanusiaan yang penting kepada masalah sosial itu.

Kami semua mengakui betapa perlunya setinggan berpindah untuk membolehkan pembangunan berjalan dengan lancar tetapi dalam proses berbuat setinggan-setinggan yang terlibat mestilah ditempatkan semula di tempat yang sesuai.

Satu dasar setinggan negara yang mengandungi satu kaedah yang komprehensif yang menyediakan garis panduan, peraturan, faktor masa dan tempat tinggal baru atau pampasan sebelum mana-mana setinggan diusir adalah penting untuk memberi satu penyelesaian yang adil kepada masalah pengusiran setinggan. Dan saya harap bahawa Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi dan Perancangan Am ini dapat mengambil perhatian tentang hujah-hujah yang saya sampaikan memandangkan bahawa masalah setinggan ini ialah salah satu masalah yang telah wujud lama di negara ini dan akan terus wujud sekiranya Kerajaan tidak dapat mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Tuan Pengerusi, saya faham bahawa terdapat satu peraturan yang dikenali sebagai Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan) 1969 yang di bawah kuasa Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969 yang menyentuh mengenai masalah pengusiran setinggan tetapi peraturan-peraturan ini rasa saya terlalu keras dan hendaklah dimansuhkan. Satu bentuk peraturan yang baru yang

memberi jaminan pendekatan peri kemanusiaan kepada masalah setinggan hendaklah diperkenalkan.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini, Tuan Pengerusi, untuk menggesa Kerajaan supaya mengkaji penubuhan sebuah Suruhanjaya Timbangtara untuk bertindak sebagai orang tengah, antara pemaju dan setinggan dalam setiap pertikaian yang berbangkit berhubung dengan bayaran pampasan atau ganti tempat tinggal sebelum merobohkan rumah setinggan di atas tanah-tanah private kerap terjadi pertikaian antara pemaju dan setinggan yang diusir dari tanah persendirian dan adalah pandangan saya bahawa pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada sebuah Suruhanjaya Timbangtara dan bukan Mahkamah Undang-undang yang biasa mengambil masa yang panjang untuk menghakimkan sesuatu pertikaian. Maka saya berharap bahawa Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi ini dapat berbincang tentang kemungkinan mengadakan satu Suruhanjaya Timbangtara ini bagi tujuan yang saya sebutkan tadi.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh satu perkara yang saya rasa adalah penting dan itu ialah yang terkandung di dalam muka surat 46, Maksud Bekalan B. 12 mengenai Jabatan Perpaduan Negara dan saya ingin menyentuh ataupun bercakap atas Butiran (1), (2) dan (3), Pentadbiran Am, Perancangan dan Penyelidikan dan Perhubungan Masyarakat.

Dalam menimbangankan cadangan peruntukan untuk Jabatan ini saya ingin mengambil peluang ini untuk membincangkan peranan Jabatan ini dan usaha-usahanya untuk mewujudkan perpaduan negara, satu perkara yang begitu penting kepada negara kita.

Sebagaimana yang disentuh dalam Buku Anggaran Belanjawan (Program dan Prestasi) 1985, satu daripada tugas utama ialah menyemai perasaan muhibah dan perpaduan di kalangan berbagai kaum di negara ini untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Objektif ini sangat dipuji dan pasti akan menerima sokongan setiap rakyat Malaysia yang ingin melihat sebuah negara Malaysia yang bersatu padu tetapi persoalan yang saya mesti tanya di sini secara jujur dan ikhlas, Tuan Pengerusi, ialah sama ada Jabatan Perpaduan Negara telah berjaya selama ini untuk mencapai objektif itu atau adakah Jabatan Perpaduan Negara ini telah dapat bergerak ke arah yang betul dalam usahanya untuk mencapai objektif ini.

Sebagai seorang Ahli Dewan ini yang mempunyai rasa tanggungjawab adalah menjadi pandangan saya bahawa Jabatan Perpaduan Negara masih belum bergerak dalam arah yang sebenarnya meski pun berbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk mencapai objektif utama yang dicitakan itu.

Saya tidak bermaksud, Tuan Pengerusi, untuk memberi kritik yang negatif terhadap Jabatan ini tetapi apabila dipandang pada keseluruhan hal ehwal negara kita saya tidak ada pilihan lain kecuali menyatakan secara jujur di sini bahawa kita masih jauh daripada matlamat yang hendak kita capai itu. Adalah jelas kepada saya bahawa Jabatan telah gagal untuk memahami dengan cukup mendalam masalah-masalah yang berbagai itu yang membantutkan perpaduan negara dan pembinaan bangsa dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti negara kita.

Saya mendapati daripada Anggaran Perbelanjaan 1985 untuk Jabatan Perpaduan Negara berbagai peruntukan dikehendaki untuk

aktiviti-aktiviti seperti kejiaran, rukun tetangga, pelajaran dan penyelidikan.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa saya sendiri menyokong aktiviti-aktiviti kejiaran dan rukun tetangga. Sebenarnya saya memberi sokongan penuh saya kepada aktiviti seperti itu dalam Kawasan Parlimen saya yang mana saya tanpa ragu-ragu menyatakan aktiviti-aktiviti itu boleh mewujudkan setiap rakyat bertambah mesra dan erat dalam sesuatu kawasan tertentu untuk mengetahui satu sama lain dan dengan demikian boleh menyekat kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan seperti jenayah dan dadah dan pada akhirnya boleh membantu memastikan keselamatan yang baik wujud di kawasan-kawasan berkenaan.

Satu perkara yang saya suka membangkitkan di sini ialah sama ada aktiviti kejiaran dan rukun tetangga sahaja boleh mencukupi untuk mewujudkan perpaduan negara di kalangan berbagai kaum yang lebih sedar akan hak-hak mereka sebagai warganegara. Saya berpendapat bahawa dengan hanya menjalankan aktiviti rukun tetangga sahaja atau menerbitkan majallah seperti "Balai Muhibbah" bukanlah jawapan yang berkesan yang dapat mencapai muhibbah dan perpaduan di kalangan berbagai kaum.

Apa yang perlu dilakukan ialah mengkaji hakikat di sebalik berbagai aktiviti yang sekarang dijalankan oleh Jabatan ini dalam bidang dasar-dasar Kerajaan bagi memastikan sejauh mana dasar-dasar itu boleh dipertanggungjawabkan mengenai keadaan sekarang. Jika selepas 27 tahun merdeka kita masih tidak boleh berkata dengan bangga bahawa kita telah menjadi sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu maka inilah masanya bagi Kerajaan untuk menyemak semula objektif itu untuk kepentingan negara.

Kerajaan hendaklah juga menyemak semula dasar Kerajaan mengenai pembinaan negara Kerajaan dan mencari sebab mengapa ianya tidak boleh menyumbang ke arah perpaduan negara. Halangan terbesar kepada perpaduan negara dan integrasi kaum di Malaysia pada hari ini ialah polarisasi kaum. Malah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita sendiri telah melahirkan rasa bimbang beliau mengenai polarisasi kaum di negara ini terutamanya di kalangan murid-murid sekolah. Saya terpaksa menegaskan di sini apabila saya membahaskan tajuk ini bahawa polarisasi kaum boleh diketahui dalam bidang iaitu dalam empat bidang politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan sosial.

Pada pandangan saya polarisasi kaum di Malaysia telah wujud kerana kelalaian dan kecuaiian Kerajaan sendiri terhadap permintaan dan aspirasi mutlak semua kaum di Malaysia. Ini disebabkan oleh mereka yang menolak hakikat bahawa Malaysia ialah sebuah masyarakat pelbagai kaum dan mereka yang menolak atau enggan mengakui permintaan mutlak dari berbagai kaum di negara ini. Jabatan Perpaduan Negara tidak boleh diharap mengenyahkan masalah ini dengan berselindung bahawa masalah polarisasi kaum tidak wujud. Masalah ini hanya boleh diselesaikan dengan mengakui dan mengatasi sebab-sebab asas masalah ini. Polarisasi kaum mestilah disekat jika kita ingin mencapai perpaduan negara. Dan ia hanya boleh disekat oleh pengiktirafan Kerajaan sendiri bahawa perasaan tidak puas hati kaum adalah wujud di negara ini dan ianya mestilah diatasi. Dengan mengakui betapa seriusnya masalah ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya menjalankan satu kajian yang mendalam ke atas masalah ini pada keseluruhannya menerusi penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Raja yang dianggotai oleh ahli-ahli

Parlimen, ahli kehakiman, pendidik, orang perseorangan yang dihormati.

Adapun tujuan Suruhanjaya ini ialah, yang pertama membuat kajian yang mendalam mengenai polarisasi kaum di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran tinggi, mengenalpasti sebab musabab dan mencari langkah positif untuk mengatasinya. Yang kedua menjalankan satu kajian yang menyeluruh ke dalam masalah polarisasi kaum di kalangan berbagai kaum, mencari sebab musabab dan mencari langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah ini. Dan yang ketiga mencari jalan yang berkesan untuk meningkatkan perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini untuk merujuk jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa soal jawab di Dewan ini apabila beliau berkata bahawa Kerajaan menimbang sebagai perlu untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa atau sebuah Suruhanjaya untuk mengkaji persoalan polarisasi kaum. Beliau berkata bahawa tugas untuk mengatasi polarisasi kaum tidak sahaja mesti dipikul oleh Kerajaan tetapi perlu langkah-langkah positif oleh setiap rakyat. Saya tidak bersetuju dengan pandangan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dan sebab-sebab yang beliau berikan kerana tidak mahu menubuhkan sebuah Suruhanjaya atau Jawatankuasa Khas untuk mengkaji keseluruhan persoalan polarisasi kaum tidak dapat diterima. Sesungguhnya saya menggesa Kerajaan supaya menimbang dengan seriusnya cadangan ini untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja yang begitu penting jika kita hendak mengenalpasti sebab-sebab sebenarnya polarisasi kaum di negara ini dan mencari langkah-langkah positif mengatasinya.

Saya membuat syor ini bukan kerana saya hendak sanjungan atau penghormatan tetapi lahir dari keinginan ikhlas saya sebagai seorang ahli Pembangkang di Parlimen ini untuk mengemukakan pengetahuan Kerajaan betapa seriusnya masalah nasional ini yang mana kita tidak boleh ketepikan begitu sahaja jika kita hendak mewujudkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Jika Suruhanjaya ini ditubuhkan saya bersikap positif bahawa DAP boleh memainkan peranan yang sangat berguna untuk membantu Kerajaan mencari jawapan kepada masalah polarisasi kaum di negara ini.

Akhirnya, izinkan saya menegaskan di sini bahawa tugas utama setiap pemimpin politik dan parti dan semua rakyat Malaysia dalam baki dekat 80an dan 90an ialah bekerja ke arah mewujudkan perpaduan negara yang merupakan satu jaminan kepada kewujudan Malaysia di masa hadapan, tanpa perpaduan negara berapa besar pun kekuatan tentera ianya tidak boleh mempertahankan Malaysia, tanpa perpaduan negara maka negara tidak akan terselamat, aman dan makmur. Dengan ini, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.05 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Parlimen di bawah Bekalan B1.

Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang anggota Dewan ini merasa kagum melihat khidmat bakti yang ditunjukkan oleh kakitangan di Jabatan Parlimen ini. Pendeknya segala urusan-urusan mesyuarat sentiasa berada di dalam keadaan

kemaskini, akan tetapi saya suka membuat sedikit sebanyak teguran berhubung dengan masalah Parlimen.

Pertama sekali lambang yang terletak atau logo yang terletak di belakang Tuan Pengerusi itu patutlah diganti dengan logo yang baharu sebagaimana yang terdapat pada Buku Belanjawan Persekutuan ini. Apa yang saya ketahui di rumah Perdana Menteri kita telah pun ditukar, saya rasa patutlah sebagai Dewan yang membuatkan undang-undang negara ini patutlah memulai perubahan-perubahan yang sesuai dengan identiti Dewan ini. Saya berharap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian supaya logo itu dapat ditukar dengan logo yang baharu.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta oleh Jabatan Parlimen ini pada tahun hadapan sebanyak \$14,928,900 berbanding dengan tahun 1984 sebanyak \$14,908,500. Ini bermakna pertambahan sebanyak \$20,400. Pertambahan ini saya rasa tidaklah menggembirakan, memandangkan bahawa khidmat-khidmat yang ditunjukkan oleh anggota Parlimen ini patutlah diberi perhatian. Apa yang saya ketahui terutama kepada Pembantu-pembantu Bentara, mereka bekerja dari pagi sampai malam hanya diberi sebanyak \$4.50 sen. Pekerja-pekerja di Parlimen ini apa yang saya ketahui mereka terpaksa datang dari pagi-pagi dan kadang-kadang kalau Parlimen ini menyambung sampai malam, mereka terpaksa tunggu sampai jauh malam. Dan mereka bekerja boleh dikatakan sepanjang tahun. Kalau musim-musim persidangan Parlimen mereka terpaksa menyediakan kertas-kertas mesyuarat, dan kalau persidangan Parlimen atau Dewan Negara tidak ada, mereka terpaksa menyediakan pula segala urusan-urusan untuk dimesyuaratkan. Pendek kata sepanjang tahun mereka memberikan sepenuh-penuh khidmat. Oleh sebab

itu saya rasa patutlah diberi pertimbangan supaya elau-elau harian mereka ini ditambah sebagai mengenangkan perkhidmatan yang telah ditunjukkan dengan begitu baik.

Perkara yang kedua saya merasa hairan sewaktu datang Persidangan Parlimen baru-baru ini melihat pakaian-pakaian Pembantu Bentara kita telah berubah, kepada pihak lelaki saya rasa tidak nampak canggung sangat tetapi kalau pihak perempuan nampak begitu canggung kerana tidak melambangkan identiti Malaysia sendiri. Saya tidak tahu mengapa pakaian-pakaian mereka ini perlu berubah. Kadang-kadang kita lihat macam "Porter" keretapi sahaja. Jadi, saya rasa patutlah disesuaikan dengan identiti negara kita.

Kalau boleh apa salahnya yang lelaki itu pakai Baju Melayu suit hitam, bukan main segak. Jadi akan nampak melambangkan pakaian Kebangsaan kita. Tetapi pakaian sekarang nampaknya bertukar butang limakah atau butang berapa saya tidak tahu. Tetapi kalau tengok banding dengan Porter Keretapi tak berapa jauh beza. Mereka ini apabila pergi ke kantin tersipu-sipu sebab orang bertanya: Bilakah keretapi hendak berjalan? Jadi ini mengecilkan juga hati mereka. Jadi saya rasa patutlah ditimbangan semula supaya dalam sidang Parlimen akan datang dapat dibuat pakaian yang lebih cantik dipandang, sedap dipakai oleh Penolong Bentara-bentara kita. Kepada pihak Bentara, saya rasa berpuas hati nampaknya mereka begitu segak bila melangkah dengan pakaian seperti seorang Pegawai Tentera, cergas dan bagus. Begitu juga pihak-pihak yang lain, cuma pakaian Pembantu Bentara ini sahaja patutlah ditimbangan semula. Kita boleh lihat sekarang yang duduk di atas kerusi sana, tak manis sungguh dipandang apabila dia pakai seluar dengan baju macam itu iaitu macam

potongan Komunis China punya baju. Orangnya manis tetapi kerana baju masam, jadi kelabu sedikit.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka menyentuh berkenaan dengan B. 7 Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan yang diminta atau belanja yang dipohon oleh Jabatan Perdana Menteri ialah sebanyak \$1,293,880,420, jumlah Belanja Mengurus dan Pembangunan.

Perkara yang pertama saya hendak sentuh berkenaan dengan Butiran 1 Pentadbiran dan saya suka menyebut sekaligus dengan Butiran 8 MAMPU.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada perkhidmatan yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan sama ada di peringkat negara, negeri dan daerah. Pada umumnya mutu pentadbiran negara kita bolehlah dianggap baik, tetapi walau bagaimanapun ianya belum lagi boleh menjadi kebanggaan rakyat. Walaupun banyak usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan khususnya pihak MAMPU bagi mengadakan berbagai approach dan kaedah untuk memperbaiki, mempertingkatkan mutu pentadbiran tetapi masih terdapat ciri-ciri kelemahan yang perlu diperbaiki dan diperelokkan lagi.

Contoh yang boleh kita lihat umpamanya masih lagi terdapat kurangnya semangat kerjasama yang sepenuhnya di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan terutama di antara satu jabatan dengan jabatan lain. Bukan sahaja di antara jabatan di bawah satu-satu kementerian dengan kementerian yang lain, malahan jabatan-jabatan yang duduk di bawah satu kementerian pun masih belum mendapat kerjasama yang sepenuhnya. Hakikat ini mudah kita lihat misalnya apabila satu pelaksanaan projek hendak dijalankan jika satu projek itu memerlukan

pandangan daripada sesuatu jabatan atau beberapa jabatan yang lain, urusan memproses projek itu mengambil masa yang agak terlalu lama.

Dalam hubungan ini berbagai alasan yang sering kali kita dengar diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan misalnya kurang kakitangan, kurang peruntukan perjalanan, tak cukup masa dan sebagainya. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan sudah pasti tahap pencapaian dan peningkatan kualiti dan kuantiti pembangunan negara akan terjejas. Akibatnya rakyat akan kecewa dan negara akan mundur. Oleh itu konsep tindakan bersepadu patutlah difikirkan sebagai satu pendekatan yang dapat mengatasi masalah itu, seperti mengadakan perbincangan dan perundingan bersama, lawatan bersama ke tapak-tapak projek yang bakal dilaksanakan. Walaupun pendekatan ini atau cara ini pernah digunakan tetapi tidak menyeluruh. Jika ia boleh dilaksanakan, saya yakin masa dapat dipendekkan, perbelanjaan dapat dikurangkan, keputusan dapat disegerakan dan pelaksanaan cepat dimulakan.

Yang keduanya ciri kelemahan yang memang tidak dapat dinafikan bahawa pegawai atau kakitangan di sektor awam ialah merupakan nadi penggerak jentera pembangunan dan pentadbiran negara dan kepada mereka jugalah sebahagian besarnya terletak harapan negara dan kebahagiaan rakyat seluruhnya. Malangnya ada di antara kakitangan atau pegawai Kerajaan yang bersikap menentang Kerajaan.

Apakah yang boleh diharapkan kepada orang-orang yang bersikap harapan pagar, pagar makan padi, harapan sokong, sokong membawa rebah. Sikap yang seumpama ini sudah pasti akan menimbulkan rasa cemburu dan iri hati dalam hari senubari

mereka melihat sebarang kemajuan yang akan dicapai oleh Kerajaan. Sikap cemburu dan iri hati itu boleh menjejaskan semangat tekun bekerja, sabar menghadapi cabaran, bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan dan lebih malang lagi jika mereka itu bertindak membuat berbagai helah untuk menjalankan sesuatu tugas atau melambatkan tugas atau membocorkan sesuatu rahsia Kerajaan yang tidak patut diketahui umum. Apa artinya lagi sebuah Kerajaan kalau rahsia sudah tidak terjamin lagi? Keadaan ini akan menjadi lebih buruk jika Ketua Jabatan itu lemah dan takut menerima risiko untuk mencegah atau ia sendiri bersikap demikian.

Kita tidak melarang mereka hendak menentang Kerajaan kerana negara ini mengamalkan konsep atau sistem pemerintahan demokrasi, tetapi janganlah menggunakan kedudukan sebagai pegawai Kerajaan, mencari rezeki dengan Kerajaan dan di dalam waktu yang sama mereka menikam Kerajaan dari belakang. Janganlah bersikap musang berbulu ayam atau menjadi duri di dalam daging. Kalau benar-benar tidak setuju dengan dasar-dasar Kerajaan, tidak bersetuju dengan perjalanan Kerajaan, jalan sentiasa terbuka untuk mereka mengundur diri dan berjuang secara berterang-terang, jangan memukul curi di dalam gelap. Itu adalah amalan si pengecut namanya. Jika dilihat dari kacamata Islam, perbuatan mereka itu terlalu keji dan jijik kerana wujudnya sikap hasad, dengki dan tidak amanah pada hal setiap kakitangan Kerajaan pada waktu mereka mula memegang sesuatu jawatan, mereka itu telah berikrar dengan kerelaan hati akan patuh kepada setiap aturan dan peraturan perjawatan mereka masing-masing. Tetapi apabila sudah bekerja atau memegang jawatan, mereka telah mencabul perjanjian mereka dengan

Kerajaan. Sikap mereka ini samalah seperti melepas anjing tersepit di pagar.

Perbuatan seperti ini bukanlah sahaja akan dibenci oleh masyarakat tetapi akan dikutuk oleh Allah s.w.t. sama ada di dunia atau di akhirat. Jika keadaan ini tidak dicegah, kewibawaan Kerajaan atau Parti Pemerintah akan terjejas. Rakyat akan menderita, pembangunan negara akan terbantut. Saya berharap Kerajaan akan memandang serius dalam perkara ini. Tindakan menukarkan mereka dari satu tempat ke satu tempat yang lain tidak akan menyelesaikan masalah kerana tindakan semua itu mungkin boleh menebalkan lagi rasa kebencian mereka kepada Kerajaan. Pada pandangan saya, orang-orang seperti ini tidak boleh dibuat kawan, apa lagi untuk jadi teman berunding. Langkah yang patut diambil melalui kata dua. Pertama minta ia berhenti melakukan perbuatan seumpama itu dan bersedia mematuhi segala arahan Kerajaan. Atau yang kedua, minta ia melucutkan atau dilucutkan jawatannya. Kerana musuh dalam selimut itu lebih berbahaya daripada musuh yang datang berterang-terangan.

Yang ketiga, masih terdapat lagi golongan pegawai dan kakitangan yang cuai dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Walaupun Kerajaan telah memberikan kuasa kepada ketua-ketua jabatan untuk mengambil apa-apa tindakan disiplin ke atas mereka-mereka yang seumpama itu tetapi ada pula ketua-ketua jabatan yang takut menerima risiko seperti yang didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam akhbar baru-baru ini, kerana kononnya ada kereta-kereta mereka yang dicat dan dicerat ataupun dibuka angin tayar keretanya. Ini adalah merupakan sudah ada tanda-tanda kemerosotan disiplin di kalangan

kakitangan Kerajaan di peringkat bawah. Keadaan ini perlu dicegah sebelum ia menular menjadi wabak penyakit dalam tubuh masyarakat kakitangan Kerajaan di negara ini. Segala gejala buruk yang saya sebutkan itu merupakan sebahagian daripada ciri-ciri kelemahan yang masih wujud di kalangan pegawai atau kakitangan Kerajaan di negara kita. Oleh itu dalam menentukan kenaikan pangkat terutama menjadi ketua-ketua jabatan sama ada negara, negeri atau daerah, sikap mereka terhadap Parti Pemerintah perlulah diambil kira, bukan semata-mata kerana kekanannya di dalam perkhidmatan atau semata-mata ketinggian profesionalnya semata-mata. Yang penting ialah kesetiaan, kejujuran dan kewibawaan dalam menjalankan tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya. Oleh itu saya berseru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang positif dan berkesan untuk memperbaiki gejala buruk yang masih menyelubungi masyarakat di sektor awam itu.

Usaha-usaha memberikan ceramah atau kursus-kursus kepimpinan yang berwibawa perlu di peringkat dari masa ke semasa. Langkah-langkah menerapkan nilai-nilai murni yang berlandaskan etika kerja Islam perlu dipupuk. Semangat persefahaman, bekerjasama dan bersatu padu perlu diperkukuhkan. Sikap-sikap yang negatif perlu dicegah dan semangat kecintaan kepada negara dan bangsa hendaklah diperteguhkan. Jika langkah-langkah ini dapat dilaksanakan, saya yakin dan percaya usaha-usaha ke arah mempertingkatkan kualiti dan kuantiti pentadbiran dan pembangunan negara lambat laun akan dapat dicapai dan akhirnya akan menjadi kebanggaan negara dan rakyat seluruhnya. Walaupun ada orang-orang mempertikaikan mereka yang bersikap seperti negatif ini tidak ramai tetapi kita tidaklah sepertimana kata

pepatah Melayu, "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga." Oleh sebab itu sebelum ianya melarat, perlulah dicegah. Namun demikian, sekali lagi saya merasa kagum dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang punya semangat dedikasi mentadbirkan negara sehingga negara kita berada di tahap yang baik dan sempurna.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, ialah berkenaan dengan Butiran 6, Pengurusan bangunan Kerajaan. Peruntukan yang dipohon pada tahun hadapan ialah sebanyak \$5,685,900, berbanding dengan tahun 1984 hanya sebanyak \$4,935,200, pertambahan sebanyak \$750,700 atau 13.2%.

Tuan Pengerusi, memandangkan kebanyakan bangunan Kerajaan ini banyak yang telah uzur kerana terlalu lama terutama rumah-rumah kediaman kakitangan Kerajaan yang dibina sejak zaman penjajah dahulu, maka perbelanjaan ini sudah pasti akan meningkat tahun demi tahun kerana perbelanjaan mengurus. Kebanyakan rumah-rumah kayu atau batu yang lama itu didiami oleh kakitangan-kakitangan yang berpendapatan rendah, seperti rumah-rumah dalam kelas I, H dan G ataupun F. Lazimnya kalau tidak salah ingatan saya sewa rumah itu adalah seperti berikut:

- Kelas I—\$10.00 sebulan.
- Kelas H—\$20.00 sebulan.
- Kelas G—\$45.00 sebulan.
- Kelas F—\$100.00 sebulan.

Kalau dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan, hasil sewaan rumah itu dengan perbelanjaan mengurusnya, sudah tentu Kerajaan menanggung kerugian sepanjang zaman. Kerana belanja membaikinya, kalau dihitung panjang setiap bulan barangkali lebih

kurang \$200 sebulan, sedangkan pendapatan, kalau rumah kelas I hanya \$10.00 sahaja sebulan. Begitu juga rumah kelas H hanya \$20 sebulan dan seterusnya.

Pada pandangan saya di samping mengurangkan perbelanjaan mengurus dan menolong mengatasi masalah perumahan kepada kakitangan yang berpendapatan rendah, apa salahnya rumah itu terus dijualkan kepada kakitangan yang menduduki rumah itu. Saya tekan kepada kakitangan yang berpendapatan rendah ini kerana menyedari bahawa untuk mendapat sebuah bilik rumah pangsa sekali pun pada waktu sekarang ini amat berat bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah. Tambahan pula perbelanjaan hidup kian meningkat hari demi hari. Bagi mereka yang tidak mampu mendapatkan rumah ini ke manakah mereka akan mencari tempat perlindungan bagi menyambung hidupnya setelah umur mereka genap 55 tahun untuk bersara. Mereka sudah pasti tidak berhak menduduki rumah-rumah itu lagi sebagai kakitangan-kakitangan yang telah bersara. Alangkah malangnya nasib mereka ini sesudah mencurahkan khidmat baktinya kepada negara akhirnya apabila sudah tua dan tenaga tidak diperlukan, rumah tempat berteduh pun tidak ada. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan dan sekurang-kurangnya Kerajaan mestilah memastikan setiap orang daripada mereka yang telah bersara itu ada mempunyai tempat berteduh.

Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang berpendapatan sederhana dan tinggi, saya fikir mereka ini tidak akan menghadapi masalah perumahan di waktu bersara kelak. Ini terbukti dari gulongan ini walaupun mereka masih bertugas dan mendiami rumah-rumah Kerajaan,

setengah daripadanya tetapi setengah daripada mereka sudah berdiri rumah sendiri atau membeli rumah sendiri buat sementara waktu. Rumah-rumah itu disewakan untuk menambahkan pendapatan bulanan mereka, bermakna waktu mereka bersara kelak, rumah sudah sedia menunggu kepulangan mereka. Tidaklah seperti nasib yang akan dialami oleh kakitangan-kakitangan yang berpendapatan rendah. Kerajaan menjualkan rumahnya kepada kakitangannya, bukan satu yang aneh kerana setahu saya sudah ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berbuat demikian. Kalau tidak salah saya, Negeri Johor, Pulau Pinang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada Butiran 11—Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Menyentuh mengenai LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) ini, terlebih dahulu izinkan saya menyatakan penghargaan yang tinggi terhadap peranan LUTH dalam mengendalikan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci Makatul-mukaramah dan berusaha mempertingkatkan kedudukan ekonomi umat-umat Islam di negeri ini. Saya berharap peranan LUTH akan tercatat di dalam sejarah pembangunan ekonomi umat Islam di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhasrat untuk menafikan segala kesukaran-kesukaran yang dialami oleh rakan-rakan saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengalami sendiri layanan buruk pada jemaah haji tahun ini menerusi sistem Muassasah di Tanah Suci. Kerana sebaliknya ada pula rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini juga menerangkan kepada saya beliau berpuas hati dengan sistem Muassasah itu. Beliau mengatakan sejak tahun 1963 beliau tidak pernah ketinggalan untuk menunaikan haji setiap tahun

sehingga kini, bermakna 21 tahun berturut-turut. Beliau mengatakan tahun inilah yang paling istimewa baginya. Kalau benar dakwaan beliau itu nyatalah sistem Muassasah ini adalah baik dan ada pula buruknya. Kesimpulannya mungkin berpunca dari sikap Syeikh-syeikh Haji di Mekah atau Dalil-dalil di Madinah dan mungkin terdapat sedikit sebanyak kelemahan di dalam urusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri. Saya rasa pihak LUTH tidak seharusnya berkecil hati di atas kecaman-kecaman yang hebat yang dilemparkan kepadanya oleh jemaah-jemaah haji baharu-baharu ini, kerana kalau tidak ada yang buruk di manakan kita nampak perkara yang baiknya, lagi pun bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan ganding mana yang tidak retak.

Pada pandangan saya pihak LUTH perlulah memperbaiki segala kelemahan-kelemahan hasil dari sungutan-sungutan orang ramai sama ada menerusi berbagai media yang dilaporkan sehingga kini ataupun ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya. Di antara perkara-perkara yang seringkali dipertikaikan ialah kemampuan dan keupayaan kakitangan-kakitangan LUTH yang dihantar sebagai rombongan bagi memberi khidmat kepada bakal-bakal haji sama ada rombongan-rombongan ini daripada golongan pegawai-pegawai kebajikan ataupun perubatan. Oleh sebab itu, saya rasa masanya telah sampai bagi pihak LUTH menambahkan jumlah kakitangan yang dihantar ke sana supaya perkhidmatan yang lebih baik akan dapat diberikan kepada jemaah-jemaah haji bagi masa-masa yang akan datang.

Berhubung dengan Syeikh-syeikh Haji di Mekah dan Dalil-dalil di Madinah itu, saya harap pihak LUTH haruslah dapat mengenal pasti lebih

dahulu mana-mana Syeikh-syeikh atau Dalil-dalil yang baik-baik dan dapat memberi layanan yang sempurna dan sesuai untuk kepentingan jemaah haji di negara kita supaya pisang tidak berbuah dua kali.

Saya menyokong hasrat pihak berkuasa LUTH untuk menempatkan para jemaah haji yang akan datang dalam 8 buah Maktab sahaja, tidak seperti yang lalu jemaah haji kita berada di dalam 20 buah Maktab. Kerana satu-satu Maktab itu, kalau tidak salah saya ialah 4,000 orang. Keadaan ini akan menimbulkan masalah sosial di kalangan para jemaah haji terutama mereka yang pergi secara berkeluarga yang besar.

Untuk melicinkan urusan LUTH ini kerjasama daripada bakal-bakal haji juga amat perlu, sekurang-kurangnya mereka tidak akan memilih Syeikh-syeikh Haji di Meka atau Dalil-dalil di Madinah, urusan itu eloklah kita serahkan kepada budibicara pihak LUTH sendiri bagi menentukannya. Untuk memudahkan urusan perhubungan di antara para jemaah haji dengan pihak LUTH, saya berpendapat amat wajar jika LUTH dapat menentukan setiap 50 orang jemaah haji seorang pegawai perhubungan yang kehormat yang terdiri daripada jemaah haji yang dipilih oleh para jemaah haji sendiri. Dengan adanya pegawai perhubungan yang kehormat, ini segala masalah-masalah yang dihadapi oleh para jemaah haji akan dapat disampaikan maklumat-maklumat itu dengan kadar yang lebih segera.

Di samping itu, kalau boleh, di tiap-tiap Maktab patutlah ditempatkan 3 atau 4 orang pegawai daripada bahagian kebajikan jemaah haji. 4 orang ini kira-kira bukanlah banyak sangat kalau dibandingkan dengan 4,000 orang jemaah haji bagi sebuah Maktab. Tetapi dengan bantuan dan kerjasama jemaah-jemaah haji yang

saya katakan tadi sebagai pegawai perhubungan yang kehormat, kalau 50 orang satu pegawai perhubungan yang kehormat kalau 4,000 orang bermakna ada 80 orang bagi satu Maktab. 80 orang dapat membantu 4 orang pegawai kebajikan Tabung Haji itu di dalam memberikan khidmat bakti kepada jemaah-jemaah haji yang sangat-sangat memerlukan apa jua pertolongan demi untuk kebajikan mereka semasa berada di Tanah Suci. Jika jemaah haji kita itu meningkat kepada 32,000 pada tahun hadapan, ini bermakna LUTH akan menerima tenaga sukarela seramai 640 orang yang terdiri daripada para jemaah haji sendiri. Andaian saya ini berasaskan 50 orang jemaah haji seorang pegawai perhubungan yang kehormat. Kita namakan sahajalah bukan ada gaji sekupang pun tetapi namakan dia pegawai perhubungan yang kehormat, dia dengar ucapan yang kehormat itu sedap sedikit. Kehormat itu bermakna free. Jadi, kalau dengan ada sumbangan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Perkataan "free", dengan izin.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ya, dengan izin, minta maaf. Dengan adanya sumbangan daripada jemaah-jemaah haji sendiri, bukan sahaja akan membantu, melicinkan urusan-urusan yang dijalankan oleh LUTH tetapi akan memberi sedikit sebanyak pengalaman kepada jemaah-jemaah haji untuk mengetahui segala-gala masalah yang berlaku di Tanah Suci. Saya rasa kalau langkah-langkah ini dapat diambil, dapat diterjemahkan menjadi kenyataan maka sudah pasti layanan-layanan yang lebih baik, insya Allah akan dapat dinikmati oleh para jemaah haji bagi masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan semula di Dewan yang mulia ini ialah mengenai pemergian para jemaah haji dari Mekah atau Jeddah ke Madinah. Jika

boleh pihak LUTH hendaklah merundingkan dengan pihak-pihak yang berkuasa Kementerian Haji dan Wakaf Saudi Arabia supaya mereka boleh dibawa dengan kapalterbang sepertimana yang dinikmati oleh setengah-setengah jemaah haji di lain-lain negara. Perkara ini telah saya bangkitkan pada tahun yang lalu tetapi tidak nampak dan tidak ketahui apakah khabar beritanya. Adakah perkara ini sudah dirundingkan oleh pihak LUTH atau tidak dengan pihak yang bertanggungjawab di Arab Saudi Arabia ataupun tidak, tidaklah saya ketahui, mungkin ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Kerana pada pandangan saya, pemergian jemaah-jemaah Haji daripada Mekah atau daripada Jeddah ke Madinah dengan bas mengambil masa 7 atau 8 jam, tetapi kalau pergi dengan kapalterbang mungkin dalam tempoh 40 minit atau 50 minit sahaja. Masalah yang timbul mungkinlah tambangnya akan lebih sedikit tetapi daripada apa yang saya tinjaukan kalau tambang bas 50 Rial (ini adalah semasa saya pergi tahun 1982) daripada Jeddah ke Madinah, kalau dengan kapalterbang dia tambah 30 Rial sahaja, jadi baru 80 Rial. Kalau tambah 30 Rial saya rasa tidak jadi masalah kepada jemaah Haji, memandangkan masa yang dialaminya 8 jam dengan 40 minit itu.

Jadi tentulah pihak jemaah-jemaah haji akan lebih suka pergi dengan kapalterbang, dapat menjimatkan masa kerana mereka yang pergi itu mempunyai satu tujuan, satu tekad dan satu niat untuk beribadat. Semakin cepat ia sampai ke tempat yang ditujuinya, semakin banyak pahala yang diperolehi, berebut-rebut hendak sampai. Mengikut kepercayaan kita orang-orang Islam, Nabi pernah bersabda: "Bahawa siapa yang menziarahi aku setelah aku wafat, samalah seperti menziarahi aku di waktu aku hidup. Siapa yang menziarahi aku, akan aku syafaatkan di

akhirat kelak". Inilah salah satu sebab berebut-rebut kita hendak ke Mekah, hendak pergi ke Makam Nabi, berharap untuk mendapat syafaat di akhirat kelak, kerana di akhirat kelak tidak ada siapa yang boleh memberikan syafaat, yang boleh memberikan pertolongan, hanyalah Muhammad s.a.w.

Jadi saya rasa dengan keadaan perjalanan yang sempurna dan cepat akan memberikan kesihatan yang lebih kepada para jemaah haji untuk beribadat kerana bila sampai di Madinah mereka kena bersembahyang sebanyak 40 waktu, duduk 8 hari di Madinah tidak boleh miss satu waktu, tiap-tiap masa free hendak kena pergi sembahyang untuk mendapatkan satu fadhilah 40 waktu sembahyang di Mesjid Nabi di Madinah.

Jadi saya berharaplah supaya perkara ini akan dapat dibangkitkan sekali lagi oleh pihak LUTH untuk membuat perundingan dengan pihak Kerajaan Saudi Arabia supaya membolehkan jemaah-jemaah haji dari Malaysia juga menikmati kapalterbang dalam perjalanannya daripada Jeddah ke Mekah.

Akhirnya, saya ingin menyatakan rasa dukacita saya kerana ada pihak-pihak parti politik tertentu dengan cara tidak langsung menjadikan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci ini sebagai isu politik. Walaupun pemimpin-pemimpin parti mereka menafikan tetapi kenyataan telah membuktikan para jemaah haji yang mengikuti swasta membawa bendera parti-parti yang tersebut daripada rumah sehingga ke Arafah, seolah-olah hendak menunjukkan kepada dunia mereka sahalalah yang tahu berpolitik dengan menunjukkan bendera parti mereka di Arafah, padahal dunia juga tahu sejak lebih 30 tahun mereka berkecimpung di dalam arena politik tanahair kita, tidak pernah sehari pun menjadi

pemerintah di peringkat negara menerusi kekuatan partinya secara total atau bersendirian. Mereka inilah yang menabur fitnah mengatakan tambang haji menerusi LUTH mahal dan tambang haji menerusi swasta murah, padahal kita juga tahu jemaah haji yang pergi menerusi swasta yang dikatakan murah itu terpaksa bila sampai di Tanah Suci meminta waris-warisnya yang berada di tanahair supaya menghantarkan tambahan perbelanjaan kerana yang dikatakan cukup itu sebenarnya tidak cukup, malah lebih mahal daripada apa yang dikenakan oleh LUTH. Mereka lupa, bak kata pepatah Melayu: "Manakan boleh bangkai gajah hendak ditutup dengan nyiru."

Apa yang mendukacitakan saya bukan fasal mereka hendak menunjuk-nunjukkan dengan kibaran bendera parti mereka di Arafah, tetapi kerana mereka sanggup memfitnahkan bahawa perbelanjaan ke Mekah menerusi LUTH jauh lebih mahal daripada swasta sehingga ada yang membandingkan pihak LUTH kena \$5,000; swasta \$2,500 sahaja. Mana boleh \$2,500; yang anehnya ada pengikut-pengikutnya itu begitu fanatik, percaya, bila sampai ke sana hantar surat minta hantar duit pula, bila dijumlahkan saya dengar lebih mahal daripada apa yang dikenakan oleh LUTH.

Oleh itu untuk apakah mereka menaburkan fitnah? Tidak lain dan tidak bukan melainkan untuk mengisi tembok sendiri sambil memperalatkan anggota-anggota parti mereka sendiri. Inilah yang mendukacitakan saya, Tuan Pengerusi.

Maka dengan ini saya menyokong atas perbelanjaan yang dipohonkan untuk Maksud B. 1 hingga B. 12.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.46 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 46, Maksud B. 12, Jabatan Perpaduan Negara dan menyentuh kepada Butiran 2 Perancang dan Penyelidikan dan Butiran 3 Perhubungan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, kita semua sedar bahawa Jabatan Perpaduan Negara telah menjalankan banyak kegiatan-kegiatan kemasyarakatan di tiap-tiap daerah dan kawasan di seluruh negara. Sebagai contoh, yang saya masih ingat lagi seperti gotong royong, peraduan-peraduan kanak-kanak, perbahasan, forum, kelas-kelas memasak dan lain-lain lagi, khususnya untuk mengumpulkan masyarakat setempat tidak mengira kaum atau keturunan. Pada peringkat awal saya percaya sambutan terhadap kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan adalah menggalakkan dan memuaskan.

Pada masa yang lampau, kalau tidak salah saya, kita juga terima majalah-majalah dari Jabatan Perpaduan Negara untuk memberi penerangan kepada masyarakat tentang kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan. Selain dari itu juga, ada kalinya pihak Jabatan Perpaduan Negara peringkat Daerah menjemput masyarakat setempat untuk beramah-mesra di majlis-majlis perayaan.

Tuan Pengerusi, saya percaya matlamat Jabatan Perpaduan Negara adalah untuk menyatu-padukan masyarakat berbilang kaum dan keturunan. Seluruh rakyat tidak kira apa bangsa sekali pun memahami aspek hidup masyarakat yang berbilang kaum. Kita sedar secara ikhlas bahawa kita rakyat Malaysia ini adalah berbilang kaum, mempunyai kebudayaan dan cara hidup yang berlainan, tetapi kita mesti faham tentang tanggungjawab kita bersama.

Tuan Pengerusi, sejak kebelakangan ini perpaduan kaum menjadi pertanyaan sama ada kita sebagai seluruh rakyat Malaysia benar-benar mempunyai perasaan ikhlas, bersih dan suka kepada perpaduan atau di sebaliknya. Saya ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita adalah Wakil Rakyat dan juga pemimpin masyarakat. Ini adalah satu tanggungjawab yang berat oleh kerana masyarakat memandang kita sebagai contoh. Apa percakapan yang kita keluarkan dan apa perbuatan dan kelakuan dan gerak-geri akan diperhatikan oleh orang ramai. Kadangkala saya berpendapat bahawa pihak Pembangkang telah menimbulkan isu-isu yang sensitif yang boleh membangkitkan perasaan perkauman.

Tuan Pengerusi, di sinilah saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Perpaduan Negara melipat-gandakan usaha-usaha menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih berkesan dan saya berharap peruntukan sebanyak \$14,217,000 untuk maksud Perhubungan Masyarakat tidaklah begitu kurang bagi Jabatan ini mempergiatkan aktiviti-aktiviti di Jabatan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap dan menyeru agar Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Pertubuhan-pertubuhan Politik, Badan-badan Sukarela serta jiran tetangga memainkan peranan yang lebih untuk mencapai perpaduan yang tulen yang saya maksudkan tadi di antara berbilang kaum di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 3.2—Pendidikan. Saya berpendapat pendidikan adalah sangat mustahak. Oleh itu didiklah anak-anak ini dengan menanamkan kasih sayang kepada kedua ibu bapa, guru-guru, orang-orang yang tua dari

kita, ketua-ketua serta negara. Kasihkan negara adalah sebahagian daripada iman.

Tuan Pengerusi, di saat kebelakangan ini terdapat ada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berpuak-puak. Ini sudah tentu tidak lain mereka ini telah dihasut oleh orang-orang yang suka melihat perpecahan di kalangan masyarakat pelajar. Oleh itu saya mencadangkan supaya perkara ini segera diperbaiki dengan mengadakan penerangan, ceramah-ceramah sivik yang boleh mereka ini berbaik-baik semula dan kasih sayang di antara satu dengan lain. Kita harap pendidikan yang baik akan menanam semangat perpaduan antara kaum supaya masyarakat Malaysia akan benar-benar menuju kepada matlamat menjadi warganegara Malaysia yang benar-benar kasihkan kepada negara yang kita cintai ini. Bak kata pepatah, “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”.

Tuan Pengerusi, perpaduan negara akan wujud melalui pendidikan yang sama dengan pengalaman serta suasana yang sama. Lebih penting lagi ialah hak memiliki kekayaan dan peluang pelajaran tinggi yang sama akan mewujudkan suasana adil, saksama dan harmoni yang akan mewujudkan perpaduan tulen dan kekal dalam negara ini. Oleh itu wujudnya Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan mengimbangkan keadaan yang tidak seimbang hasil dari perancangan ekonomi yang dilakukan oleh penjajah British selama ini menyebabkan wujudnya kaum yang tidak seimbang dalam segala segi. Menitikberatkan kepada pendidikan, kesedaran dan fahaman terhadap DEB ini hendaklah dilakukan demi untuk menghilangkan salah sangka yang berkekalan tertanam di antara kaum dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, orang yang tidak faham Dasar Ekonomi Baru dan

menuduh Dasar Ekonomi Baru sebagai penghalang kepada perpaduan negara adalah pandangan yang salah dan songsang. Sebenarnya dengan adanya orang seperti inilah yang akan menghalang wujudnya perpaduan tulen dalam negara ini. Oleh itu saya harap Jabatan Perpaduan Negara akan memainkan peranannya yang lebih atau melipatgandakan usaha-usaha supaya masyarakat berbilang kaum ini akan menjadi satu masyarakat yang bersatu padu dan kita harap perkara ini mestilah dilakukan oleh semua pihak tidak kira daripada anggota Barisan Nasional dan juga Pembangkang daripada DAP ataupun PAS. Sekian, saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerai.

5.55 *ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya akan sentuh di bawah Maksud B. 7, muka surat 34, Butiran 5—Pentadbiran Agama Islam di bawah Jabatan perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, daripada peruntukan yang diberi pada tahun 1985 menunjukkan amat berbeza dengan tahun 1984 dan ini disebabkan oleh kerana terdapatnya pertambahan kakitangan ataupun perjawatan sebanyak 37 perjawatan bagi tahun 1985.

Saya menyokong penuh di atas anggaran yang dipohon ini dan saya juga turut menyokong penuh atas cadangan pertambahan kakitangan di bawah pentadbiran Agama Islam. Apa yang saya harapkan dengan adanya pertambahan peruntukan untuk tahun 1985 dan dengan adanya pertambahan kakitangan yang lebih bagi tahun 1985 masalah-masalah yang menjadi problem dalam pentadbiran Agama

Islam terutama sekali dalam usaha-usaha penyelarasan dan peningkatan, usaha-usaha ke arah menerapkan nilai-nilai Islam dan melaksanakan semua perkara-perkara yang berkaitan yang menjadi permasalahan selama ini akan dapat dibereskan dengan sebaik-baiknya. Saya rasa tidaklah wajar sekiranya masalah-masalah yang pernah berlaku selama ini masih lagi berterusan dan banyak bidang-bidang penyelarasan perundangan di antara negeri khususnya, tidak dapat dibuat sehingga pada masa ini walaupun saya sendiri meyakini dan saya sendiri menyedari bahawa kuasa-kuasa agama adalah di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja di peringkat negeri-negeri tetapi di dalam peringkat penyelarasan adalah sewajarnya di peringkat pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri ini mengambil perhatian yang sewajarnya supaya masalah-masalah yang selama ini menjadi keadaan nagatif dapat diperbetulkan dengan sebaik-baiknya.

Lagi satu yang saya akan sentuh di sini ialah di bawah Maksud P. 7, muka surat 36, Butiran 4—Pembangunan Masyarakat, iaitu bagi projek-projek kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya dapati pada tahun ini peruntukan lagi berkurangan daripada tahun yang lepas dan ini saya juga menyedari bahawa mungkin kerana penjimatan perbelanjaan disebabkan kemelesetan ekonomi yang akan dialami tetapi yang jelasnya di sini ialah bahawa projek-projek kecil bagi masyarakat luar bandar ini adalah amat penting dan mustahak dan apabila kita mengatakan projek-projek kecil untuk masyarakat, berertilah masyarakat-masyarakat di luar bandar yang memerlukan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas yang dikehendaki pada semasa secara seponatan atau secara diperlukan pada ketika-ketika masa yang tertentu. Dengan peruntukan yang berkurang

ini nampaknya pada tahun 1985 agak kurang, walaupun Perdana Menteri sendiri mengatakan dia tidak berkehendakkan kepada populariti, tetapi boleh dikatakan amat mengecewakan kita kerana kebiasaannya perkara-perkara kecil yang seumpama inilah yang menjadi perhatian pada semasa dan kadangkadangkang amat memerlukan pada keadaan yang tertentu dan biasanya peruntukan-peruntukan di bawah projek kecil ini khususnya di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin tanpa mengikut peraturan-peraturan kewangan ataupun menurut jabatan-jabatan lain yang berkehendakkan lebih banyak peraturan yang lebih sulit dan tidak dapat dilaksanakan. Saya rasa sepatutnyalah pada masa yang akan datang peruntukan projek-projek kecil ini diberi perhatian yang langsung semoga masalah pembangunan masyarakat di luar bandar akan dapat diberi perhatian dengan secara langsung.

Lagi satu yang saya akan sentuh di sini ialah di bawah Maksud B. 10—Jabatan Peguam Negara, muka surat 44, Butiran 2—Perkhidmatan Perundangan dan Nasihat. Peruntukan pada tahun ini didapati bertambah daripada tahun yang lepas dan saya turut menyokong peruntukan ini kerana berkehendakkan juga pertambahan kepada perjawatan daripada 181 kepada 183.

Kalau dilihat di sini hanya bertambah dua sahaja perjawatan baru bagi 1985. Apa yang menarik perhatian saya di dalam perkhidmatan perundangan dan penasihat ini ialah kerana apabila kita lihat daripada Buku Program dan Prestasi Belanjawan 1985 di bawah tajuk Program Jabatan Peguam Negara, kita dapati banyak tujuan dan matlamatnya untuk dapat dilaksanakan terutama sekali kepada aktiviti-aktiviti yang menyentuh di segi

perundangan dan memberi penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan dan juga kepada bidang-bidang kes yang tertentu termasuklah di dalam perkara-perkara penggubalan undang-undang, peraturan dan sebagainya.

Apa yang suka saya bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah kerana kita lebih banyak sekarang ini bercakap tentang penerapan nilai-nilai Islam dan kita harap supaya usaha-usaha dipertingkatkan lagi ke arah menghapuskan jurang perbezaan di antara Undang-undang Sekular dengan Undang-undang Syariah, dengan bertujuan supaya Undang-undang Syariah dapat diletakkan di tempat yang sewajar dan malahan dipraktikkan di negeri ini dengan sepenuhnya, kecuali undang-undang yang tidak bertentangan dengan Syariah maka amatlah wajar supaya di bidang perkhidmatan perundangan dan penasihat ini ditambahkan perjawatannya, terutama sekali diambil daripada kalangan-kalangan pegawai ataupun kakitangan yang mahir disegi ataupun yang lebih memahami di segi Perundangan Islam.

Sebenarnya, undang-undang adalah bagi memberi keadilan dan mencegah perlakuan salah dan jenayah dan Undang-undang Syariah juga adalah memenuhi kehendak ini. Dan dengan itu tidak ada sebab menjadi curiga atas kemampuannya sebagai perundangan yang wajar. Apa yang menjadi masalahnya ialah apabila pihak yang arif tentang Perundangan Syariah tidak memahami Undang-undang Sekular dan peguam serta hakim-hakim pula tidak memahami Perundangan Syariah. Dan dengan itulah yang tidak dapat mewujudkan satu pendekatan dan kerjasama ke arah matlamat yang sewajarnya kepada apa yang dikehendaki di dalam Jabatan Peguam Negara ini.

Segala punca dan masalah sebenarnya haruslah difahami supaya penjelasan ke arah kefahaman umum dan menyeluruh perlu dapat dipertingkatkan dan supaya tidak wujudnya salah faham dan timbul pula keraguan dan berlakunya prejudice terhadap lain-lain kalangan dan pihak.

Dalam usaha-usaha ke arah mempertingkatkan taraf dan kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri ini amatlah dialu-alukan dan adalah diharap ianya merupakan asas kepada usaha yang lebih berkesan dan bermakna kepada wujudnya sebuah mahkamah yang unggul untuk dapat melaksanakan sepenuhnya perundangan menurut Perundangan Syariah.

Dan apa yang didapati di dalam Bahagian Perkhidmatan Perundangan dan Penasihatannya ini seperti yang saya katakan tadi amat perlu supaya ada pegawai-pegawai atau orang-orang yang mahir di segi Perundangan Syariah untuk dapat bersama-sama membantu memberi pandangan dan pendapat di dalam satu-satu penggubalan undang-undang atau untuk hendak membuat pindaan ataupun penyelarasan ataupun untuk membawa pendekatan terhadap segala matlamat dan tujuan.

Saya rasa kalau tidak salah saya dalam bulan Julai yang lepas, dalam sidang Dewan ini juga, telah berlaku di mana Undang-undang Kekeluargaan Islam bagi Wilayah Persekutuan telah dibentangkan dan telah didapati pertentangan yang amat ketara apabila pihak Ahli-ahli Dewan sendiri telah membuat perbahasan dan sehingga masa ini undang-undang ini masih lagi belum dikemukakan semula kepada Dewan ini. Dan ini membuktikan bahawa betapa perlunya pakar-pakar perundangan di segi Islam ini ada untuk dapat menyelaras dan membawa pembetulan kepada harapan kita bagi

dapat mewujudkan lebih banyak perundangan yang dapat diperdekatkan ataupun untuk menghapuskan perbezaan jurang antara Undang-undang Sekular dan Undang-undang Syariah yang perlu wujud di negara kita di dalam trend yang ada sekarang untuk jangka panjang dan jangka masa yang akan datang.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang saya ingin sentuh di sini ialah di bawah B. 11, muka surat 45 di bawah Butiran 2—Pendakwaan; 3—Penyiasatan dan 4—Pencegahan iaitu di bawah Badan Pencegah Rasuah.

Saya dengan sukacitanya menyokong di atas peruntukan yang dipohon di dalam perkara ini di mana terdapatnya sedikit sebanyak pertambahan daripada tahun-tahun yang lepas tetapi apa yang mendukacitakan saya kerana di antara jawatan-jawatan terdapat di dalam bidang Penyiasatan nampaknya berkurangan daripada 100 kepada 98. Tetapi boleh jadi juga dengan adanya saranan Kerajaan di bawah "Cekap, Bersih dan Amanah" sekarang ini tenaga yang ada mencukupi bagi melaksanakan program-program dan strategi-strategi yang sedia ada.

Hanya yang menarik perhatian saya di sini, Tuan Pengerusi, ialah oleh kerana tujuan dan program Badan Pencegah Rasuah untuk mencegah, menghapus segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh undang-undang. Dan dari buku "Prestasi Belanjawan 1985" ini terdapat kes-kes yang meningkat yang dijangkakan dan hampir satu pertiga bertambah dari setahun kesetahun, dari tahun 1983 ke tahun 1984 dan begitu juga kepada tahun 1985. Saya amat bimbang dan ragu-ragu sekiranya tidak ada perubahan yang menyeluruh kepada peningkatan keupayaan jabatan ini iaitu Badan

Pencegah Rasuah ini, kemungkinan banyak masalah yang harap dapat diselesaikan, masih berkekalan dengan keadaan yang lama dan tidak dapat membawa prestasi yang menggalakkan.

Saya juga ingin membangkitkan di sini tentang pernah saya dapati cerita-cerita, bagi saya sama ada betul atau tidak, ini tidak dapatlah saya pastikan, tetapi saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana ada percakapan-percakapan di luar. Dan bagi saya kalau sekiranya "tidak ada angin masakan pokok bergoyang." Dan dengan ini saya harap mendapat penjelasan dan juga mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri di atas kes-kes yang telah dibuat aduan dan kes-kes yang telah disiasat yang mana kes-kes ini didapati terbengkalai begitu sahaja. Saya tidak tahulah sama ada kerana mungkin kes-kes ini terlibat kawan-kawan, rakan ataupun kenalan ataupun diberi ganjaran untuk menutup kes ini. Dan sehingga ini telah bertahun-tahun kes-kes yang telah mempunyai bukti yang saya sendiri pun ada yang melihat restinya, yang ada orang-orang yang sanggup menjadi saksi dan ada gambar-gambar yang berkenaan, bukan sahaja di sini dan di luar negeri pun ada, tetapi sampai sekarang ini tidak berjalan kes-kes yang seumpama ini.

Jadi, saya mendapat pengaduan apakah perkara-perkara yang semacam ini sengaja hendak ditutup ataupun ada motif-motif yang lain. Dan saya juga tidak dapat kepastian sama ada benar atau tidak perkara-perkara yang dibangkitkan seumpama ini. Jadi benda-benda inilah yang menarik perhatian kita dan kadangkala bagi setengah-setengah pihak tidak memberi keyakinan kepada Badan Pencegah Rasuah ini, memandangkan beberapa perkara yang sangat-sangat menjadi harapan untuk tindakan dan pelaksanaan oleh

pihak BPR, tetapi sehingga bertahun-tahun perkara itu hanya tinggal dalam cerita, yang kadang-kadangkala cerita-cerita ini bukan dapat kita tutup kerana cerita-cerita ini adalah cerita-cerita yang diketahui umum.

Jadi, saya harap perkara-perkara yang seumpama ini bagi pihak Kementerian ini khasnya dan Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian yang serius dan bagi saya jangan ada kemaafan kepada sesiapa pun yang melaksanakannya sama ada sesiapa pun, baik pegawai awam, baik pun pegawai-pegawai atau orang-orang di peringkat swasta, orang-orang politik pun sama ada pangkat kecil atau pangkat besar pun janganlah membuat perkiraan sangat. Kerana selagi kita membuat perkiraan tentang perkara ini, masalah kita untuk mencegah, untuk membanteras dan untuk menghapuskan masalah rasuah tidak akan dapat diselesaikan. Jadi saya harap perkara ini akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa itu sahajalah, Tuan Pengerusi, yang dapat saya memberi perhatian dan pandangan saya terhadap belanjawan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini dan dengan ini saya menyokong di atas peruntukkan yang dipohon. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

6.10 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 1, Butiran 1, muka surat 25.

Sebagaimana yang saya telah perkatakan semasa membahaskan Usul Skandal BMF pada 18-10-1984, suatu pembaharuan terhadap prosedur kewangan Dewan Rakyat untuk meningkatkan kawalan terhadap Badan-badan Di Luar Belanjawan adalah perlu.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa semua badan Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Di Luar Belanjawan perlu mengemukakan penyata tahunan untuk mengadakan kawalan yang lebih ketat, tindakan ini merupakan suatu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, oleh kerana telah terdapat bentuk-bentuk wakil rasmi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang mengetuai Badan-badan Kerajaan Negeri termasuk Badan-badan Di Luar Belanjawan, ini bermakna bahawa kawalan oleh Kerajaan adalah wujud selama ini. Masalah yang pokok ialah bagaimanakah kita dapat mengatasi keruntuhan (break-down) dengan izin, kawalan oleh Kerajaan, keruntuhan dalam kawalan telah mengakibatkan Kerajaan Persekutuan memberi jaminan \$20,000 juta dan menjamin . . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta jalan atau membangkitkan tertib mesyuarat? Minta penjelasan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta Penjelasan, di bawah Butiran berapa Yang Berhormat dari Kepong ini bercakap Tuan Pengerusi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Maksud B. 1, Butiran 1—Parlimen, mengenai prosedur kewangan Dewan Rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Muka surat 25.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Keruntuhan dalam kawalan telah mengakibatkan Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman \$20,000 juta dan menjamin \$7,000 juta lagi bagi Badan-badan Di Luar Belanjawan dan \$800 juta adalah mungkir. Apakah faktor-faktor

berlakunya perkara yang seperti ini? Walaupun ia adalah suatu langkah ke arah yang betul untuk memastikan bahawa semua Badan Di Luar Belanjawan atau Di Dalam Belanjawan mengemukakan penyata-penyata mereka adalah mustahak bahawa terdapat, dengan izin, redress of grievances yang mencukupi dalam prosedur kewangan Parlimen.

Dalam pembaharuan prosedur kewangan Dewan Rakyat ini Badan-badan Di Luar Belanjawan perlu dijadikan bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat. Salah satu langkah yang positif terhadap pembaharuan dalam prosedur kewangan ialah pembentukan Jawatankuasa Kira-kira Wang bagi Badan-badan Di Luar Belanjawan sebagai satu Jawatankuasa seperti yang terdapat dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam sekarang untuk memastikan pertanggungjawapan Badan-badan Di Luar Belanjawan terhadap Parlimen dan rakyat.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 1, Butiran 1 dan B. 8, Butiran 1, muka surat 25 dan muka surat 39. Adakah penting bagi kita semua bahawa kakitangan di Parlimen menerima gaji dan elaun yang berpatutan supaya semua Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih baik.

Saya ingin melihat bahawa apabila saya masuk ke Parlimen setiap kali semua kakitangan mempunyai muka yang suka. Saya mendapati bahawa ada kakitangan yang suka hati dan ada yang tidak begitu riang. Saya tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua ataupun Pengerusi telah berusaha berjuang untuk memperbaiki keadaan kerja semua kakitangan Parlimen iaitu kakitangan semua segment menerima gaji dan layanan yang berpatutan. Keadaan kerja yang adil dan berinsentif akan mempertingkatkan kecekapan semua kakitangan.

Semasa Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan latihan menggredkan semula kakitangan, ia harus memastikan bahawa keadilan terhadap kakitangan dari semua segment di Parlimen adalah terjamin, misalnya dalam latihan menggred dan meningkatkan pangkat 15 pemberita yang telah digelar sebagai pelapor sekarang telah diabaikan. Pada asasnya terdapat 4 bahagian, sekarang mereka meletakkan di dalam Kumpulan "C" JPA harus menimbang semula sama ada mereka perlu digredkan semula kepada Kumpulan "B" iaitu Skim Perkhidmatan mereka harus dipertingkatkan pada STPM atau tahap Diploma. Begitu juga adalah diharapkan bahawa JPA dalam latihan menggred dan meningkatkan perkhidmatan harus menimbang semula semua segment kakitangan Parlimen supaya tidak terdapat apa-apa perasaan tidak puas hati.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 7, Butiran 1, muka surat 33—Operasi menyelamatkan Bank Bumiputra oleh PETRONAS. PETRONAS mengambilalih Bank Bumiputra dan pinjaman-pinjaman yang lapuk yang lebih daripada \$2.5 billion. Operasi ini telah mengakibatkan perasaan kebimbangan dan curiga di kalangan orang awam.

Soal yang paling nyata ialah adakah operasi penyelamatan yang terlibat PETRONAS ini digunakan sebagai suatu cover-up dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk menyembunyikan skandal itu. Soal ini telah tidak dijawab dengan memuaskan. Walaupun Menteri Kewangan mengatakan bahawa tidak akan terdapat sebarang cover-up dan pesalah-pesalah akan dihadapkan ke mahkamah, jika ada buktinya. Kita masih menunggu laporan penuh terhadap Skandal BMF yang kononnya akan mendedahkan identiti mereka yang meluluskan pinjaman-pinjaman. Menurut sumber akhbar

laporan ini akan dikemukakan kepada Bank Bumiputra dalam tempoh 4 bulan lagi. Saya telah diberitahu bahawa laporan ini akan menyebutkan nama-nama mereka yang meluluskan pinjaman kepada Carrian dan EDA Investment Ltd.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menafikan bahawa pengambilan alih oleh PETRONAS akan menyembunyikan segala masalah pengurusan kerana pengambilan alih ini tidak akan mengecualikan Bank Bumiputra atau mana-mana syarikat daripada menyediakan laporan kewangannya sendiri seperti yang diperlukan di bawah Akta Syarikat, 1965. Penafian ini tidak merupakan satu jaminan yang boleh dipercayai oleh rakyat dengan begitu mudah kerana walaupun Bank Bumiputra sebagai sebuah bank yang tertakluk kepada kawalan-kawalan tambahannya dikenakan oleh Bank Negara dan peraturan lain, termasuk laporan audit, Skandal BMF masih berlaku. Saya tidak yakin bahawa laporan kewangan audit Bank Bumiputra atau mana-mana syarikat yang diambil alih akan sentiasa menunjukkan prestasinya sendiri walaupun ianya menjadi anak syarikat PETRONAS atau agensi-agensi lain.

Saya hendak menekankan bahawa sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa pengambilan alih oleh PETRONAS itu adalah melanggar matlamat-matlamat berkanunnya sendiri serta bertindak di luar undang-undang, dengan izin, "ultra-vires". Walaupun PETRONAS dibentuk di bawah Akta Syarikat, 1965 dan menggunakan peruntukan dalam memorandum dan artikelnya, dengan izin, untuk membeli saham-saham Bank Bumiputra, pengambilan alih tersebut membolehkan Kerajaan

mengelakkan pertanggungjawapan kepada Dewan Rakyat dan orang ramai.

Saya hendak menekankan di sini peraturan-peraturan telah ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, 1974, suatu Akta Parlimen yang menyatakan bahawa, "Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk suatu perbadanan mencari dan mengeksplot petroleum, sama ada di pantai atau di luar pantai dan pada perbadanan itu akan diletakkan seluruh pemunyaan mengenai petroleum tersebut dan juga hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif berkenaan dengannya dan untuk mengawal perjalanan aktiviti-aktiviti penggunaan dan kemajuan berhubung dengan petroleum dan keluaran-keluarannya". Nampaknya Kerajaan tidak mahu merujukkan perkara pengambilan alih Bank Bumiputra itu ke mahkamah untuk apa-apa perisytiharan.

Pihak DAP sedang menunggu keputusan Majlis Peguam, sama ada Majlis tersebut akan mengambil tindakan ataupun tidak. Sekiranya Majlis itu tidak akan ambil tindakan, maka DAP akan merujuk perkara ini ke mahkamah kerana besar kemungkinannya bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada 33 articles of objectives and power, dengan izin, yang dinyatakan dalam Akta Pembangunan Petroleum, 1974 adalah tidak sah.

Tuan Pengerusi, maksud B. 12, Butiran 1, muka 46. Pada 2 tahun yang lepas saya telah membincangkan beberapa aspek NEP, semangat Malaysia dan perpaduan nasional. Ketika Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran, beliau telah menafikan kewujudan polarisasi kaum dalam negara ini. Beliau telah menegaskan bahawa apa yang disifatkan sebagai

polarisasi kaum itu adalah bukan polarisasi kaum, tetapi lebih merupakan teori kelakuan bercorak kelompok, iaitu suatu proses yang biasa di mana mereka yang mempunyai latar belakang yang sama dengan memandangkan diri sendiri sebagai suatu golongan minority bercenderung berkumpul dan bergaul di antara satu sama lain, bertentangan dengan hakikat bahawa polarisasi kaum sedang kian bertambah buruk, terutamanya di kalangan generasi muda, beliau merasa amat digalakkan oleh hakikat bahawa polarisasi kaum tidak wujud. Beliau terus mengatakan bahawa sebaliknya keharmonian kaum suatu gerakan ke arah perpaduan walaupun dengan kadar yang perlahan sedang menjadi semakin menegaskan.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan tersebut, baru-baru ini menyuarakan perasaan kebimbangannya terhadap trend polarisasi kaum di kalangan kanak-kanak yang mungkin mengakibatkan suatu konfrantasi kaum jika keadaan tersebut tidak diperbaiki. Nampaknya Yang Amat Berhormat telah sedar dan mengakui kewujudan masalah ini yang merupakan suatu hakikat di negara ini. Walau bagaimanapun, pengenalan dan pengakuan atas sesuatu perkara, tetapi tujuan serius untuk memperbaiki faktor-faktor yang pelbagai itu adalah perkara yang lain.

Adalah mustahak bagi kita semua bahawa Lembaga Perpaduan Negara jarang disebutkan di dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pada tahun yang lepas saya telah menyatakan bahawa jika Kerajaan tidak serius mengenainya, Lembaga tersebut harus dibatalkan sebagai sebahagian daripada kempen jimat-cermat. Sehingga hari ini fungsi-fungsi Lembaga tersebut nampaknya setakat mengeluarkan majalah, kalendar dan

mengadakan jamuan teh sahaja. Saya telah dengan berulang kali menyeru Kerajaan menubuhkan suatu Suruhanjaya Di-Raja untuk mengkaji dengan mendalam terhadap faktor-faktor yang telah menyumbang kepada trend polarisasi kaum di negara ini dan mengesyorkan langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasinya.

Di sini, Tuan Pengerusi, terdapat gejala-gejala polarisasi kaum di sekolah-sekolah. Dalam satu bulan ini terdapat satu surat perintah yang mewajibkan semua perhimpunan, semua mesyuarat dan sebagainya di dalam sekolah-sekolah menengah dan rendah supaya Bahasa Malaysia . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah perkara itu di bawah peruntukan Kementerian Pelajaran?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan, Tuan Pengerusi, ini saya merujuk kepada Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan berpanjang lebar dengan soal pelajaran, cuma ke atas gejala-gejala polarisasi kaum yang wujud kerana beberapa faktor dan faktor ini termasuk apa yang sedang saya sebutkan di sini. Dengan surat perintah ini walaupun maksud utama yang disebutkan oleh Menteri Pelajaran ialah untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dengan begitu meluas tanpa menjejaskan penggunaan bahasa ibunda, akan tetapi ia telah menimbulkan ketidakpuasan dan kebimbangan di kalangan masyarakat bukan Melayu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah tiba bagi mesyuarat ditangguhkan. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*